ثليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : Tidak akan masuk syurga sesiapa yang wujud sifat sombong di dalam hatinya meskipun sebesar zarah". - Hadis Riwayat Muslim : No. 91

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.32 | SUBUH 4.42 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.44 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.45 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 65 | 1 JUN 2026 / 1447 ذوالحجه 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# MEMASTIKAN DASAR, PERANCANGAN PERTAHANAN DISESUAIKAN DENGAN PERKEMBANGAN GEOPOLITIK SERANTAU

**Oleh : Haniza Abdul Latif**

**RIMBA**, Ahad, 31 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah banyak mencapai perkembangannya, baik dari segi saiz organisasi mahupun dari segi keupayaannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan perkara berkenaan ketika berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-65 di Padang Kawad, Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), di sini.

**>> Muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65 di Padang Kawad, Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi.**

# Berangkat ke Upacara Hari Kemuncak Sambutan HUT ABDB Ke-65



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan pada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said *(Lihat muka 4 hingga 6)*.**

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



ZAHIR rasa syukur, keprihatinan melalui ibadah korban

Muka 11



KOMITMEN teguh terhadap keamanan, kestabilan serantau

Muka 12




MENINGKATKAN kesedaran mengenai bahaya produk tembakau, nikotin

Muka 13




THE Boy Who Bakes, inspirasi identiti, personaliti Huzaimi

Muka 29

PELITA BRUNEI

# Korban cerminan keikhlasan dan ketaatan kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Bismillahir Rahmanir Rahim,**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.**

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

**AIDILADHA** adalah syiar agung ugama kita, kerana ia merujuk kepada peristiwa besar dua beranak menunaikan perintah Allah, sekali pun perintah itu sangat berat untuk dilaksanakan.

Dua beranak tersebut ialah Nabi Ibrahim dan putera Baginda Nabi Ismail Alaihimassalam. Mereka diuji oleh Allah, untuk Nabi Ibrahim menyembelih putera Baginda, Nabi Ismail. Dalam Surah Ash-Shaaffaat, ayat 102, Nabi Ibrahim berkata kepada puteranya Nabi Ismail "*Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu maka fikirkanlah apa pendapatmu*?" menjawab Ismail "*Wahai ayah laksanakanlah apa yang diperintahkan kepada ayah, insyaaAllah ayah akan mendapati saya daripada orang-orang yang sabar*".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

Demikian gambaran yang sangat mengharukan bagaimana patuhnya dua beranak ini menjunjung titah perintah Allah. Ini adalah pengajaran sepanjang zaman untuk kita umat Islam. Ia bukan untuk dibaca semata-mata tetapi inti patinya adalah untuk diambil sebagai tauladan.

Di antara tauladan yang disuruh kita membuatnya ialah dengan menyembelih binatang korban. Sama ada korban wajib atau korban sunat semuanya itu adalah bukti ketaatan yang sangat bermakna. Allah tidak akan mensia-siakannya.

Oleh itu bagi siapa yang mampu marilah kita sama-sama melakukan korban untuk meraih ganjaran pahala di akhirat kelak.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd**

Saat yang penuh berkat ini, beta dengan ingatan tulus ikhlas turut mendoakan para jemaah haji kita yang sedang berada di Tanah Suci semoga mereka berada dalam keadaan yang serba mengizinkan sehingga dapat menunaikan ibadat dengan lancar dan sempurna serta beroleh haji yang mabrur.

Untuk mengakhiri perutusan ini, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas serta sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk yang berugama Islam di mana sahaja mereka berada, dengan iringan doa semoga kita semua berada dalam sihat afiat, riang gembira, murah rezeki dapat menunaikan ibadat dengan khusyuk dan tawaduk untuk mendapatkan reda Allah dan keberkatan daripada-Nya.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Rabu, 27 Mei 2026.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ISNIN | 14 | 4.32 | 4.42 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.30 | 7.45 |
| 2 | SELASA | 15 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 |
| 3 | RABU | 16 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.45 |
| 4 | KHAMIS | 17 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 |
| 5 | JUMAAT | 18 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 |
| 6 | SABTU | 19 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 7 | AHAD | 20 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.46 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 26 °C | 33 / 26 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 25 °C | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C |
| Kuala Belait | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

1 JUN 2026

### Mempertahankan kedaulatan negara satu penghormatan

**KEDAULATAN** merupakan elemen penting dalam memastikan kestabilan politik dan kemakmuran sesebuah negara. Oleh itu, langkah-langkah strategik perlu diberi perhatian oleh pemerintah dan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negara bagi menjamin keselamatan negara daripada ancaman luar.

Keselamatan dan keamanan negara merupakan dua elemen asas yang saling melengkapi dalam memastikan kestabilan sesebuah negara. Keselamatan negara merujuk kepada perlindungan daripada sebarang bentuk ancaman fizikal, jenayah, keganasan dan gangguan terhadap kedaulatan negara, manakala keamanan pula merujuk kepada keadaan masyarakat yang harmoni dan bebas daripada konflik, ketegangan, kekacauan serta pelbagai lagi perkara-perkara yang menggugat kesejahteraan masyarakat.

Tanggungjawab mempertahankan negara daripada ancaman musuh perlu dipikul secara bersama. Setiap keberanian itu dan segala kerelaan itu dilakukan bukan untuk kepentingan diri tetapi dilaksanakan untuk kepentingan mempertahankan negara bangsa. Inilah semangat patriotik negara yang perlu ada dalam setiap rakyat di negara ini.

Tahun ini genap Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 dengan membawa tema 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara'. Acara kemuncak telah berlangsung pada Ahad, 31 Mei 2026 di Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Menyentuh mengenai keamanan dan kedamaian, kita perlu mempertahankan apa yang kita nikmati selama ini kerana keamanan juga adalah tunjang kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Hal ini demikian kerana apabila negara itu dalam keadaan aman, maka proses untuk memajukan negara akan menjadi mudah. Maka tidak dapat dinafikan lagi keamanan dan kedamaian ini sangat penting dalam sesebuah negara.

Sesungguhnya tugas tentera dan mempertahankan negara sangat mulia. Ia bukanlah satu tugas yang mudah akan tetapi mempunyai risiko dan tanggungjawab yang berat semata-mata untuk memastikan keselamatan negara terjamin daripada musuh-musuh negara. Oleh yang demikian, setiap anggota tentera yang menggalas dan menjalankan tugasnya dengan penuh amanah dan penuh dedikasi, sangatlah kita sanjung tinggi dan hormati. Keikhlasan serta kecekalan mereka dalam menyempurnakan amanah dan memenuhi tanggungjawab dengan penuh semangat menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara.

Alhamdulillah, negara kita bebas daripada segala serangan dan ancaman dari negara luar yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara sehingga rakyat dapat mengecapi nikmat kedamaian negara. Kerjasama rakyat di negara ini dan bersatu padu dengan pihak tentera serta pasukan keselamatan lain demi mempertahankan kedamaian, keamanan dan kemerdekaan yang kita kecapi adalah sebagai penyuntik semangat bagi kita untuk terus bertapak di bumi Darussalam ini.

Kita yang bernaung dan berlindung di bumi Brunei Darussalam ini perlu menghargai dan sentiasa mengingati jasa dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh seluruh ABDB bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan bumi Darussalam ini sentiasa terjaga dan terpelihara. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memastikan dasar, perancangan pertahanan disesuaikan dengan perkembangan geopolitik serantau

>> Muka 1

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah mengambil maklum mengenai pelancaran Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 oleh Kementerian Pertahanan pada hari ini dan ia adalah satu langkah strategik yang amat signifikan dalam memastikan dasar dan perancangan pertahanan negara terus disesuaikan dengan perkembangan geopolitik serantau dan global.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan selaras dengan hala tuju strategik yang digariskan melalui Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 dan Gagasan Angkatan 2035 yang didukung oleh dokumen penting : Force Structure Review, Defence Posture dan Capability Development Plan, baginda gembira mengambil maklum bahawa ABDB akan terus berkembang dengan tertubuhnya beberapa unit baharu yang akan meningkatkan lagi kewibawaan dan keupayaan ABDB.

"Bagi Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), beta telah memperkenankan penubuhan Pusat Latihan Gabungan Tempur (PULGAT) yang menggabungkan kesemua cawangan latihan bagi kompetensi operasi TDDB di bawah satu pemerintahan.

"Dalam memperkukuhkan lagi interoperabiliti, di peringkat Operasi Khas Bersama yang bersejarah, beta sukacita memperkenankan penubuhan Markas Operasi Khas (Special Operations Command) sebagai Pusat Perintah dan Kawalan yang akan menyelaras operasi khas di antara Rejimen Pasukan Khas (RPK) ABDB selaku Pasukan Tier 1 bersama Pasukan Khas Tier 2 di unit-unit ABDB, iaitu Pasukan Komando - TDDB, Skuadron Gerak Khas Maritim - Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Pasukan Khas - TUDB yang akan berkuat kuasa mulai pada hari ini," titah baginda lagi.

Selaras dengan pendekatan pertahanan yang komprehensif, Kebawah DYMM seterusnya bertitah dari sudut Diplomasi Pertahanan, pada tahun ini yang amat signifikan dengan Sambutan Jubli Emas ialah hubungan pertahanan di antara ABDB dengan Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

Dalam hal ini, baginda sukacita mengambil maklum beberapa aktiviti dua hala telah dan akan dilaksanakan secara bersepadu oleh ABDB bersama Angkatan Bersenjata Republik Singapura sebagai acara kemuncak.

Pada masa yang sama juga titah Kebawah DYMM lagi, hubungan pertahanan dengan negara-negara sahabat yang lain, baik yang dekat mahupun jauh, baginda terus menyarankan untuk sentiasa dipertingkatkan dan diperkukuhkan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65.**

# PENCAPAIAN DIREALISASI DENGAN DEDIKASI, KOMITMEN TINGGI ABDB

**RIMBA**, Ahad, 31 Mei. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, dari sudut keupayaan ketenteraan pula, baru-baru ini Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) telah menerima dua buah pesawat angkut C295MW terakhir yang melengkapkan penerimaan sebanyak empat buah pesawat angkut, bertepatan dengan menjelangnya Sambutan Jubli Intan Penubuhan TUDB pada bulan Jun tahun ini.

Seterusnya pada penghujung tahun ini, titah baginda lagi, TUDB juga akan menerima *batch* pertama helikopter H-145M yang akan menggantikan pesawat Bolkow BO105 yang telah dinyahtauliahkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah mengongsikan, pada awal tahun depan, Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dijangka akan mentauliahkan sistem Command, Control, Communications, Computers, Intelligence, Surveillance, and Reconnaissance (C4 – ISR) yang ketika ini sedang giat dinaik taraf.

Pada Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-65 yang berlangsung di Padang Kawad, Pangkalan Tentera Udara Rimba, TUDB, baginda juga bertitah, segala pencapaian ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa adanya dedikasi dan komitmen tinggi di seluruh peringkat kepimpinan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah menghargai dan berbangga di atas pencapaian - pencapaian positif ini.

"Dalam hubungan ini, beta juga sangat gembira atas kehadiran dan keterlibatan anggota veteran dan Persatuan Bekas Perajurit ABDB (PERWIRA) pada pagi ini yang setentunya menunjukkan semangat dan komitmen berterusan mendukung ABDB ke arah kecemerlangan.

"Akhirnya, beta mengucapkan syabas dan tahniah bersempena Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-65 kepada seluruh warga ABDB yang masih berkhidmat dan mereka yang telah bersara, sama ada berada di dalam atau sedang bertugas di luar negara.

"Tidak lupa juga, penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Sambutan pada tahun ini dan semua yang terlibat dalam menjayakan perbarisan pagi ini. Beta turut mendoakan supaya ABDB akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*," titah baginda lagi.



**SUASANA Sambutan HUT ABDB yang diadakan di Padang Kawad, Pangkalan Tentera Udara Rimba, TUDB (atas dan bawah).**





**SEBAHAGIAN daripada anggota TUDB yang menyertai barisan Pasukan-pasukan Perbarisan.**

PELITA BRUNEI

# BERANGKAT KE UPACARA HARI KEMUNCAK SAMBUTAN HUT ABDB KE-65

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65. Mengiringi keberangkatan baginda ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).**



**RIMBA**, Ahad, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65 yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja di Padang Kawad, Tentera Udara Rimba, TUDB dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung ke Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat, sebelum berkenan memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Perbarisan, Leftenan Kolonel (U) Pengiran Mohd. Zulhusmi bin Pengiran Mohd. Roslan dan melibatkan seramai 1,065 anggota ABDB yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); TUDB; termasuk rombongan Panji-panji Diraja dan Panji-panji Pasukan ABDB; Rejimen Pasukan Khas (RPK); Gabungan Anggota Tentera Wanita ABDB; Gabungan Pasukan Pancaragam ABDB, Pasukan Serunai dan Tambur TDDB dan aset-aset operasi ABDB.

**>> Muka 5**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa barisan Pasukan-pasukan Perbarisan.**







**UPACARA perbarisan melibatkan seramai 1,065 anggota ABDB yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); TUDB; termasuk rombongan Panji-panji Diraja dan Panji-panji Pasukan ABDB; Rejimen Pasukan Khas (RPK); Gabungan Anggota Tentera Wanita ABDB; Gabungan Pasukan Pancaragam ABDB, Pasukan Serunai dan Tambur TDDB, dan aset-aset operasi ABDB (atas, kiri sekali dan kiri).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima Tabik Hormat Diraja.**

**>> Muka 4**

Upacara diteruskan dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat, diikuti dengan 'Perbarisan Mara Ke Hadapan Untuk Diperhatikan Semula'.

Baginda berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan HUT ABDB Ke-65, sebelum laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' bergema sebanyak tiga kali.

Bagi memberkati upacara berkenaan, bacaan Doa Selamat telah dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Kebawah DYMM sekali lagi disembahkan dengan Tabik Hormat Diraja serta terbang lalu helikopter S70i Blackhawk dan Pesawat Angkut C295MW TUDB.

Selepas itu, Kebawah DYMM seterusnya berkenan berangkat ke Pusat Pergerakan Udara bagi menyempurnakan pelancaran Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 (KPPK 2026) bertemakan 'Defending the Nation's Sovereignty : Credible, Adaptive and Resilient Force'.

Baginda turut berkenan menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Udara bertempat di Apron Pangkalan Tentera Udara yang menampilkan aset-aset TUDB dan penyertaan daripada enam buah Tentera Udara Angkatan Sahabat dan seterusnya berkenan berangkat ke Bangunan Cawangan Nombor 3, Kumpulan Gerakan TUDB bagi menyempurnakan perasmian bangunan berkenaan dengan menandatangani plak perasmian sebelum disembahkenalkan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Cawangan Nombor 3.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Ruang Dais Khas bagi menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas oleh Special Operations Command (SOCOM) ABDB serta unit-unit di bawahnya, iaitu Komando TDDB (Kdo), Skuadron Gerak Khas Maritim TLDB (SGKM), dan Pasukan Khas Tentera Udara (PASKTU) TUDB, sekali gus menandakan penubuhan rasmi SOCOM. Baginda juga berkenan menerima pesambah dan bergambar ramai bersama anggota yang terlibat.

Upacara diteruskan dengan Pertunjukan Udara yang menampilkan penglibatan Tentera Udara Angkatan Sahabat pesawat Sukhoi SU-30MKM daripada TUDM, Airbus A330 Multi-Role Tanker Transport (MRTT) daripada TURS, dan Pasukan Aerobatik Jupiter dari Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Udara (TNI-AU).

Kebawah DYMM kemudian berkenan untuk bergambar ramai bersama anggota ABDB yang telah menyertai misi-misi antarabangsa dan disembahkenalkan kepada pegawai-pegawai yang baru menamatkan kursus di luar negara.

Seterusnya, baginda berkenan berkunjung ke Pameran Perkembangan Keupayaan Tentera yang mengetengahkan pembangunan keupayaan pertahanan masa hadapan, termasuk aspek modal insan dan prasarana strategik sebelum dijunjung ke Majlis Santap Tengah Hari Diraja di Hangar 'B'.

**>> Muka 6**





**PERBARISAN berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh Pasukan-pasukan Perbarisan (kiri dan kiri sekali).**





**TERBANG lalu helikopter S70i Blackhawk dan Pesawat Angkut C295MW TUDB (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada sambutan tersebut.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pusat Pergerakan Udara bagi menyempurnakan pelancaran Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 (KPPK 2026) bertemakan 'Defending the Nation's Sovereignty : Credible, Adaptive and Resilient Force' (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung ke Majlis Santap Tengah Hari Diraja di Hangar 'B'.**



**>> Muka 5**

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan, mantan-mantan Pemerintah ABDB, jemputan khas, pegawai-pegawai kanan ABDB dan anggota-anggota ABDB.

Baginda turut berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai antarabangsa yang sedang mengikuti kursus di ABDB, termasuk Penasihat dan Atase Pertahanan Tentera Negara-negara Sahabat yang menetap dan tidak menetap, serta yang baharu menerima surat lantikan masing-masing.

Kebawah DYMM kemudian dijunjung bagi Upacara Memotong Kek sempena HUT ABDB Ke-65, dan seterusnya berkenan menerima pesambah hasil buatan tempatan yang bertemakan evolusi aset TUDB sejak 1961.

Bacaan Doa Selamat kemudian dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT ABDB.

Baginda seterusnya disembahkenalkan kepada kru-kru yang terlibat dalam Pertunjukan Udara sebelum berkenan melancarkan Projek Pemulihan 'Nostalgia Khazanah Di Udara' bagi Pesawat Bolkow BO105 CBS-5 bernombor pendaftaran HB-100 yang telah dikembalikan ke warna asalnya untuk dipamerkan secara kekal di Muzium TUDB.

Kebawah DYMM kemudian berkenan menandatangani Lembaran Diraja sebelum berangkat meninggalkan majlis.





**KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai antarabangsa (kiri sekali dan kiri).**





**KEBAWAH DYMM berkenan menerima pesambah (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah DYMM dijunjung bergambar berlatarbelakangkan Pesawat Bolkow BO105 CBS-5 bernombor pendaftaran HB-100 yang telah dikembalikan ke warna asalnya.**

**SEKITAR Sambutan HUT ABDB Ke-65 (kanan dan bawah).**





# PAMERAN KETENGAHKAN KEUPAYAAN ASET, TEKNOLOGI UDARA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Udara semasa Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65. Berangkat sama bagi menyaksikan pameran tersebut ialah paduka-paduka anakanda baginda (atas dan atas kiri).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda semasa menyaksikan pameran berkenaan (atas, kanan, bawah, bawah sekali dan bawah sekali kanan).





**RIMBA**, Ahad, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Udara semasa Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65 yang berlangsung di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), hari ini.

Berangkat sama bagi menyaksikan pameran tersebut ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pameran Statik Keupayaan Udara yang mengambil tempat di Apron Pangkalan Tentera Udara tersebut telah menampilkan aset-aset TUDB dan penyertaan daripada enam buah Tentera Udara Angkatan Sahabat sempena Sambutan HUT ABDB Ke-65.

Objektif pameran ini adalah bagi memperkenalkan keupayaan aset dan teknologi udara kepada orang ramai dan memberikan pendedahan tentang fungsi serta peranan Tentera Udara dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara. Selain itu, ia juga bertujuan bagi mengukuhkan lagi hubungan antara angkatan tentera yang terlibat dan juga sebagai platform pendidikan dan perkongsian maklumat mengenai operasi udara dan teknologi moden.

**>> Muka 8**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Bangunan Cawangan Nombor 3, Kumpulan Gerakan TUDB bagi menyempurnakan perasmian bangunan tersebut (atas dan kanan).**

**>> Muka 7**

Selain penyertaan daripada TUDB, Pameran Statik ini turut disertai enam buah Tentera Udara Angkatan Sahabat iaitu Australia, Republik Singapura, United Kingdom, Republik Filipina, Malaysia dan juga dari Amerika Syarikat dengan jumlah pameran pesawat sebanyak 12 buah pesawat termasuk Unmanned Aerial System (UAS), helikopter, jet pejuang dan juga pesawat angkut.

Pameran ini berkepentingan bagi membina keyakinan masyarakat terhadap keupayaan pertahanan dan keselamatan udara negara di samping menarik minat generasi muda untuk menceburi kerjaya dalam bidang penerbangan dan pertahanan serta mengukuhkan imej profesionalisme serta kesiapsiagaan Tentera Udara.

Sejurus sahaja selesai menyaksikan Pameran Statik Keupayaan Udara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan dijunjung berangkat ke Bangunan Cawangan Nombor 3, Kumpulan Gerakan TUDB bagi menyempurnakan perasmian bangunan tersebut dengan menandatangani plak perasmian sebelum disembahkenalkan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Cawangan Nombor 3.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Brunei Darussalam seterusnya menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas dan Pertunjukan Udara di Ruang Dais Khas dan kemudian dijunjung bergambar ramai bersama anggota ABDB yang telah menyertai misi-misi antarabangsa.

Baginda juga disembahkenalkan kepada pegawai-pegawai yang baru menamatkan kursus di luar negara, didahului dengan cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Leftenan (U) Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim yang baru ditauliahkan dari Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom dan diikuti dengan para penerima anugerah dari Sekolah Pegawai Kadet Pengambilan Ke-24, Akademi Pertahanan ABDB.

Semasa Upacara Hari Kemuncak sempena Sambutan HUT ABDB Ke-65 tersebut, Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda juga berkenan berangkat menyaksikan Pameran Perkembangan Keupayaan Tentera yang terdiri dari Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei dan TUDB yang mengetengahkan pembangunan keupayaan pertahanan masa hadapan, termasuk aspek model insan dan prasarana strategik.

Semasa pameran ini, baginda turut menerima sembah kenal daripada anggota-anggota misi pengaman United Nation Interim Force In Lebanon, Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team dan pengurusan kemajuan sumber manusia daripada Akademi Pertahanan ABDB dan Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan disembahkenalkan dan seterusnya berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas, bawah dan bawah sekali).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas).**



**BANGUNAN Cawangan Nombor 3, Kumpulan Gerakan TUDB (kiri).**

# DEMONSTRASI KEUPAYAAN, PERTUNJUKAN UDARA MERIAHKAN HUT ABDB KE-65





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas dan berkenan menyaksikan Pertunjukan Udara (atas dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**

**RIMBA**, Ahad, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas oleh Special Operations Command (SOCOM) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta unit-unit di bawahnya iaitu Komando (Kdo) Tentera Darat Diraja Brunei, Skuadron Gerak Khas Maritim (SGKM) Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Khas Tentera Udara (PASKTU) Tentera Udara Diraja Brunei, sekali gus menandakan penubuhan rasmi SOCOM sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-65.

Berangkat sama ke Ruang Dais Khas bagi menyaksikan Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas tersebut ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada demonstrasi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima pesambah dan bergambar ramai bersama anggota yang terlibat.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan Pertunjukan Udara yang julung kali diadakan dalam sejarah Sambutan HUT ABDB.

Pertunjukan Udara ini menampilkan penglibatan Tentera Udara Angkatan Sahabat pesawat Sukhoi SU-30MKM daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM); Airbus A330 Multi-Role Tanker Transport (MRTT) daripada Tentera Udara Republik Singapura (TURS) dan Pasukan Aerobatik Jupiter daripada Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Udara (TNI-AU).

Pertunjukan Udara ini melibatkan pesawat-pesawat tentera dalam pelbagai formasi penerbangan, lintas hormat (*flypass*), demonstrasi taktikal dan *maneuver* aerobatik di ruang udara yang telah ditetapkan. Persembahan ini dilaksanakan secara terancang dan terkawal mengikut prosedur keselamatan penerbangan serta arahan operasi yang berkuat kuasa bagi memastikan kelancaran dan keselamatan sepanjang pertunjukan itu berlangsung.

Pertunjukan ini melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi dan Tentera Udara yang menunjukkan simbol hubungan pertahanan dan kerjasama serantau yang erat. Selain berfungsi sebagai acara utama dalam Sambutan HUT ABDB Ke-65, persembahan ini juga menjadi platform untuk mempamerkan keupayaan operasi, profesionalisme juruterbang serta kesiapsiagaan aset udara yang dimiliki oleh angkatan tentera.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas). Manakala gambar bawah, Demonstrasi Keupayaan Gerak Khas menandakan penubuhan rasmi SOCOM sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65.**







**PERTUNJUKAN Udara melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi dan Tentera Udara yang menunjukkan simbol hubungan pertahanan dan kerjasama serantau yang erat (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah tengah). Sementara gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan persembahan berkenaan.**







# BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HUT ABDB KE-65

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke Majlis Doa Kesyukuran sempena memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Majlis Doa Kesyukuran sempena memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 diadakan lewat petang tadi di semua surau Kementerian Pertahanan dan ABDB, termasuk Masjid Pulau Baru-Baru, dengan tumpuan utama yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Majlis di Surau Ad-Difa' disemarakkan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat mengiringi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Al-Anbiyaa, ayat 92 hingga 95 yang dibacakan oleh Soldadu (U) Masrur Fu'ad bin Haji Asmat dari Cawangan No. 5, Kumpulan Bantu, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), yang juga merupakan juara qari Musabaqah Tilawah Al-Quran peringkat ABDB bagi tahun 2024 dan 2025.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran sempena Sambutan HUT ABDB Ke-65 sebelum diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Selepas itu, DYTM dijunjung berangkat ke Mes Pegawai, Bolkiah Garison dan berkenan bagi sesi bergambar ramai serta menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan.

DYTM seterusnya berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam sebelum meninggalkan majlis.

Turut hadir ialah mantan - mantan Timbalan Menteri Pertahanan dan mantan-mantan Pemerintah ABDB, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB serta seluruh pucuk kepimpinan Kementerian Pertahanan.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut diadakan bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala agar ABDB sentiasa dikurniakan kekuatan, perlindungan dan kejayaan dalam melaksanakan amanah mempertahankan kedaulatan negara, integriti wilayah serta menegakkan Perlembagaan Negara dan prinsip-prinsip falsafah Melayu Islam Beraja.









**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan paduka adinda berangkat ke Majlis Santap Malam (atas). Manakala gambar atas kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan. Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

# ZAHIR RASA SYUKUR, KEPRIHATINAN MELALUI IBADAH KORBAN

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit**





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para penerima (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Dalam usaha memperkukuh nilai pengorbanan dan semangat ukhuwah, memperkembang syiar Islam serta memupuk semangat muafakat, kerjasama dan rasa pemedulian terhadap golongan yang memerlukan, di samping menzahirkan kesyukuran atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan KHEU.

Pada majlis tersebut, sebanyak dua ekor lembu, tiga bahagian kerbau dan seekor kambing telah dikorbankan hasil penyertaan warga KHEU dan ahli keluarga mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Datin.

Seramai 20 orang ketua keluarga daripada golongan asnaf fakir miskin yang terdiri daripada penduduk Mukim Kianggeh dan Mukim Berakas 'A' telah menerima agihan daging korban pada tahun ini.

Daging korban sunat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu satu pertiga (1/3) daripada daging korban sunat disedekahkan kepada golongan asnaf fakir miskin; satu pertiga (1/3) diagihkan kepada umat Islam; dan satu pertiga (1/3) lagi diperuntukkan kepada peserta yang melaksanakan ibadah korban.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan acara pengagihan daging korban yang disempurnakan penyampaiannya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pelaksanaan ibadah korban ini diharap akan dapat memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menyemai nilai kesyukuran, keikhlasan dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga kementerian.

Semoga segala amal ibadah yang dilaksanakan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan keberkatan yang berpanjangan dalam setiap kehidupan di dunia dan akhirat, insyaaAllah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri.

# Pengemaskinian jadual penerbangan tiba jemaah haji negara

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Merujuk kepada Siaran Media Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bertarikh 13 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan dengan 1 Mei 2026 Masihi mengenai waktu berlepas dan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji bagi Tahun 1447H / 2026M.

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa terdapat perubahan pada waktu ketibaan jemaah haji NBD dan jadual waktu ketibaan yang dikemas kini adalah seperti berikut iaitu bagi penerbangan pertama, BI4222 akan bertolak dari Jeddah pada Selasa, 2 Jun 2026 pada pukul 7.00 malam dan dijangka akan tiba di NBD pada Rabu, 3 Jun 2026 pada pukul 10.35 pagi. Manakala bagi penerbangan kedua, BI4224 akan bertolak dari Jeddah pada Rabu, 3 Jun 2026 pada pukul 6.40 petang dan dijangka akan tiba di NBD pada Khamis, 4 Jun 2026 pada pukul 10.15 pagi.

Seterusnya, bagi penerbangan ketiga, BI4226 akan bertolak dari Jeddah pada Khamis, 4 Jun 2026 pada pukul 7.00 malam dan dijangka akan tiba di NBD pada Jumaat, 5 Jun 2026 pada pukul 10.35 pagi dan bagi penerbangan keempat, BI4228 akan bertolak dari Jeddah pada Jumaat, 5 Jun 2026 pada pukul 7.00 malam dan dijangka akan tiba di NBD pada Sabtu, 6 Jun 2026 pada pukul 10.35 pagi.




**JADUAL PENERBANGAN JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1447H / 2026M**

Tarikh balik dari Jeddah ke Negara Brunei Darussalam

| Penerbangan | No Pesawat | Bertolak dari Jeddah | | Tiba di Negara Brunei Darussalam | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Hari / Tarikh Masihi | Waktu Bertolak | Hari / Tarikh Masihi | Waktu Tiba |
| Pertama | BI4222 | Selasa 2 Jun 2026 | 7:00 malam | Rabu 3 Jun 2026 | 10:35 pagi |
| Kedua | BI4224 | Rabu 3 Jun 2026 | 6:40 petang | Khamis 4 Jun 2026 | 10:15 pagi |
| Ketiga | BI4226 | Khamis 4 Jun 2026 | 7:00 malam | Jumaat 5 Jun 2026 | 10:35 pagi |
| Keempat | BI4228 | Jumaat 5 Jun 2026 | 7:00 malam | Sabtu 6 Jun 2026 | 10:35 pagi |

* Waktu tersebut di atas adalah kiraan dalam waktu setempat dan tertakluk kepada perubahan

2382525 \ 2382301 \ 2382302 WWW.MORA.GOV.BN KHEU.BRUNEI

# Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah sekuriti dan keselamatan tambahan, kawasan dalam lingkungan 4.32 batu nautika (8 kilometer) radius iaitu di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Daerah Brunei dan Muara adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada Ahad, 31 Mei 2026 dan Isnin, 1 Jun 2026.

Di bawah pengisytiharan ini, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh), tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara tersebut kecuali yang mendapat keizinan. Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 50 Perintah Penerbangan Awam, (CAP 290).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, menerusi talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel, *unmanned.aircraft@dca.gov.bn*. Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan ini.

# KOMITMEN TEGUH TERHADAP KEAMANAN, KESTABILAN SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Negara dan Menteri Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama K. Shanmugam (atas kiri), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II bersama Menteri-menteri Pertahanan serta wakil-wakil termasuk daripada Negara-negara Anggota ASEAN dan Eropah dalam sesi bergambar ramai semasa pelancaran Guiding Principles for Underwater Infrastructure Defence Exchange (GUIDE).**

**REPUBLIK SINGAPURA,** Sabtu, 30 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah menghadiri Sarapan Pagi Bersama Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN yang diadakan di samping IISS Shangri-La Dialogue Ke-23, di Shangri-La Hotel.

Sesi berkenaan telah dianjurkan bersama oleh Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing; dan Setiausaha Pertahanan Negara Republik Filipina, Yang Berhormat Gilberto C. Teodoro, Jr., selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri - menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) bagi 2026.

Semasa acara berkenaan, Menteri-menteri Pertahanan dan wakil-wakil ASEAN telah mengesahkan komitmen teguh terhadap keamanan dan kestabilan serantau, berteraskan semangat kesepaduan ASEAN dan mengalu-alukan anjuran ADMM Ke-20 dan ADMM-Plus Ke-13 pada tahun ini.

Dalam acara berasingan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II bersama beberapa menteri-menteri pertahanan serta wakil-wakil daripada Negara-negara Anggota ASEAN dan Eropah telah menyaksikan pelancaran Guiding Principles for Underwater Infrastructure Defence Exchange (GUIDE) oleh Tuan Yang Terutama Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan, Republik Singapura.

GUIDE adalah inisiatif tidak mengikat, pelbagai hala dan rentas wilayah yang diterajui oleh Republik Singapura bagi membawa bersama rakan-rakan pertahanan daripada Eropah dan Asia Tenggara untuk membentuk norma-norma kerjasama pertahanan dalam sekuriti Critical Underwater Infrastructure (CUI).

Di samping IISS Shangri-La Dialogue Ke-23, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Australia, The Honourable Richard Marles MP; Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing; dan Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Negara dan Menteri Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama K. Shanmugam.

Turut menyertai perjumpaan dua hala berkenaan ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

# Kongsi rezeki, kegembiraan dengan golongan memerlukan






**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Mei. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebanyak tujuh ekor kerbau telah dikorbankan dengan penyertaan 49 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan serta ahli keluarga MOFE serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awangku Ahmad Faturrahman Nur Firdaus bin Pengiran Haji Hassanudin, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, selaku Pengerusi Majlis.

Acara kemudiannya diserikan dengan laungan takbir dan persembahan tausyeh yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Kemudian, majlis diteruskan dengan penyampaian agihan daging korban kepada seramai 100 orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf di kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Penyampaian tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebelum majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Penganjuran majlis ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan MOFE dalam menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, di samping memupuk semangat kebersamaan serta berkongsi rezeki dan kegembiraan dengan golongan yang kurang berkemampuan.

Majlis pada tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, MOFE.

# MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI BAHAYA PRODUK TEMBAKAU, NIKOTIN

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Penggunaan tembakau dan nikotin kekal merupakan antara ancaman terbesar kepada kesihatan awam di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan lapan juta nyawa terkorban setiap tahun akibat penggunaan tembakau dan lebih satu juta nyawa terkorban akibat pendedahan kepada asap rokok.

Walaupun kesedaran mengenai bahaya merokok semakin meningkat, industri tembakau dan nikotin terus mencari pelbagai cara baharu untuk menarik pengguna, khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Oleh itu, Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2026 membawa tema 'Mendedahkan Daya Tarikan : Menangani Ketagihan Nikotin dan Tembakau (Unmasking the Appeal : Countering Nicotine and Tobacco Addiction)'.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2026.

Jelas Yang Berhormat lagi, tema berkenaan memberi tumpuan kepada usaha untuk mendedahkan taktik licik industri tembakau dan nikotin dalam menjadikan produk mereka kelihatan menarik, moden dan seolah-olah tidak memudaratkan, khususnya kepada golongan belia termasuk kanak-kanak dan remaja.

Tambah Yang Berhormat, pada masa kini, industri berkenaan bukan sahaja memasarkan rokok tradisional, malah turut mempromosi produk-produk baharu seperti rokok elektronik (*vape*), kantung nikotin (*nicotine pouches*) dan produk nikotin sintetik (*synthetic nicotine*).

"Produk-produk ini sering kali direka dengan pembungkusan yang berwarna-warni, perisa manis seperti buah-buahan atau gula-gula, serta reka bentuk moden yang menyerupai alat teknologi atau barangan harian.

"Taktik sedemikian boleh menyebabkan golongan belia termasuk kanak-kanak dan remaja tertarik untuk mencuba tanpa memahami risiko sebenar ketagihan nikotin terhadap kesihatan mereka," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan media sosial, platform digital dan platform permainan dalam talian (*gaming platform*) kini menjadi antara medium utama pemasaran produk-produk tersebut. Kandungan promosi yang menggunakan individu-individu yang berpengaruh (*influencer*), video pendek, gaya hidup moden dan budaya popular telah menyebabkan penggunaan produk nikotin semakin dinormalisasikan dalam kalangan generasi muda.

Penempatan produk secara tersirat dalam kandungan hiburan dan media digital juga ujar Yang Berhormat lagi memainkan peranan dalam mempengaruhi persepsi bahawa penggunaan rokok elektronik dan produk nikotin adalah sesuatu yang biasa dan selamat, sedangkan hakikatnya nikotin tetap merupakan bahan yang menyebabkan ketagihan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) tegas Yang Berhormat lagi, walaupun penjualan rokok elektronik adalah ditegah dan negara kita tidak mempunyai pengedar tembakau berlesen, kita tidak boleh leka terhadap cabaran semasa. Produk-produk nikotin masih boleh diperoleh melalui penjualan secara dalam talian, media sosial, penyeludupan dari luar negara serta perkongsian sesama rakan sebaya.

"Ini menunjukkan bahawa cabaran masa kini turut berpunca daripada pengaruh digital dan normalisasi sosial yang menyebabkan penggunaan produk nikotin semakin dianggap sebagai sesuatu yang lazim dan diterima masyarakat, khususnya dalam kalangan golongan muda yang lebih mudah terpengaruh dengan perkembangan dan persekitaran semasa.

"Hasil dapatan Kaji Selidik Global School Health (GSHS) 2019 menunjukkan kadar merokok dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun adalah 9.8 peratus, manakala penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 15 tahun adalah 13.3 peratus.

"Lebih membimbangkan, apabila dibandingkan dengan dapatan Kaji Selidik STEPS 2022/2023 bagi golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, kadar perokok adalah 13.4 peratus manakala penggunaan rokok elektronik adalah 11 peratus. Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja adalah lebih tinggi berbanding golongan dewasa," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam perutusan berkenaan, Yang Berhormat juga berkata keadaan berkenaan jelas bercanggah dengan dakwaan industri bahawa rokok elektronik diperkenalkan sebagai alat membantu perokok dewasa untuk berhenti merokok, sedangkan hakikatnya, produk-produk berkenaan turut menjadi daya tarikan yang mendorong generasi muda ke arah ketagihan nikotin.

Statistik berkenaan tambah Yang Berhormat amat membimbangkan kerana nikotin bukanlah bahan biasa, malahan ia adalah sejenis dadah yang mempunyai potensi untuk menyebabkan ketagihan yang tinggi serta boleh memberi kesan serius terhadap perkembangan otak kanak-kanak dan remaja.

Pendedahan pada usia muda kata Yang Berhormat lagi bukan sahaja menjejaskan fungsi emosi dan kognitif seperti pembelajaran, tumpuan dan kawalan emosi, malah turut meningkatkan risiko ketagihan terhadap bahan ketagihan lain yang lebih berat. Manakala, individu yang terdedah kepada nikotin sejak usia muda juga lebih cenderung mengalami ketagihan yang lebih serius serta sukar untuk berhenti.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan kajian turut menunjukkan bahawa pendedahan berkenaan dikaitkan dengan gangguan emosi dan perasaan, termasuk kemurungan dan keresahan. Lebih membimbangkan lagi, berdasarkan kepada beberapa kajian, generasi muda yang tidak pernah merokok tetapi mula menggunakan rokok elektronik didapati mempunyai risiko tiga kali ganda lebih tinggi untuk menjadi perokok tegar.




Di samping itu, kata Yang Berhormat lagi, dunia kini turut berdepan dengan ancaman baharu yang semakin membimbangkan, iaitu penggunaan rokok elektronik yang di campur dengan bahan-bahan terlarang dan dadah berbahaya. Penggunaan rokok elektronik yang mengandungi bahan psikoaktif dan dadah sintetik bukan sahaja meningkatkan risiko ketagihan yang serius, malah boleh menyebabkan kesan kesihatan yang serius termasuk halusinasi, gangguan mental, sawan, hilang kesedaran, kemurungan, paranoia, psikosis, tingkah laku yang agresif, terlebih dos dan juga kematian.

Lebih membimbangkan lagi ujar Yang Berhormat, penggunaan rokok elektronik yang mengandungi bahan terlarang dan dadah bukan sahaja membahayakan nyawa, malah merupakan satu kesalahan jenayah serius di bawah undang-undang negara. Ancaman berkenaan jelas menunjukkan bahawa penggunaan rokok elektronik bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan, khususnya dalam kalangan golongan muda yang lebih mudah terpengaruh dan terdorong untuk mencuba tanpa menyedari risiko sebenar terhadap kesihatan dan keselamatan diri mereka.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menjelaskan usaha melindungi generasi muda daripada pengaruh industri tembakau dan nikotin berkenaan memerlukan penglibatan semua pihak. Ibu bapa, institusi pendidikan, agensi kerajaan, pemimpin komuniti dan masyarakat perlu bekerjasama dalam meningkatkan kesedaran mengenai bahaya produk-produk tembakau dan nikotin berkenaan serta memperkukuh pendidikan kesihatan sejak usia muda.

Pada masa yang sama kata Yang Berhormat, sokongan terhadap dasar dan langkah kawalan yang berasaskan bukti juga amat penting bagi mengurangkan daya tarikan dan akses kepada produk-produk berbahaya ini.

"Justeru itu, saya juga ingin menyeru para belia dan remaja di negara ini agar tidak mudah terpedaya dengan taktik pemasaran industri tembakau dan nikotin ini yang menjadikan ketagihan sebagai keuntungan perniagaan mereka. Jangan biarkan masa depan dan kesihatan diri dipengaruhi oleh produk yang memudaratkan.

"Generasi muda perlu memainkan peranan penting dalam menghapuskan normalisasi penggunaan produk tembakau dan nikotin serta menjadi contoh kepada rakan sebaya untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Bagi mereka yang ingin berhenti merokok atau berhenti menggunakan produk nikotin seperti rokok elektronik (*vape*), Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus menyediakan perkhidmatan bantuan untuk berhenti melalui Klinik Berhenti Merokok (KBM) di Pusat Pusat Kesihatan seluruh negara.

"Khidmat kaunseling, sokongan profesional serta bantuan farmakoterapi seperti alat gantian nikotin (Nicotine Replacement Therapy-NRT) kepada yang memerlukan boleh membantu individu untuk berhenti dan seterusnya meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan mereka.

"Dalam kesempatan ini, bersempena dengan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2026, saya amat mengalu-alukan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak untuk bersama-sama memperkukuh komitmen dalam melindungi generasi masa depan daripada bahaya tembakau dan nikotin. Marilah kita berganding bahu membina sebuah masyarakat yang lebih sihat, selamat dan bebas daripada ketagihan tembakau dan nikotin demi kesejahteraan negara dan generasi akan datang," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



# MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN, KERJASAMA SERTA SIFAT PRIHATIN





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Ibadah korban merupakan ibadah sunnah yang dituntut untuk dilaksanakan bersempena Hari Raya Aidiladha pada setiap 10 Zulhijah dan pada Hari-hari Tasyrik setiap tahun.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Pada tahun ini, sebanyak tiga ekor lembu dikorbankan dan daging-daging korban diagih-agihkan kepada 76 orang yang terdiri daripada 36 kakitangan lelaki dan 40 kakitangan perempuan Kementerian Kesihatan dalam Bahagian V.

Majlis berkenaan anjuran bersama Jabatan Dasar dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dan Bahagian Pengurusan Estet dan Perkembangan Projek, Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagih-agihkan daging korban berkenaan kepada para penerima.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan laungan Takbir

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Datin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagih-agihkan daging korban kepada para penerima (atas kiri dan atas), manakala gambar kiri, antara yang menghadiri majlis berkenaan.**

Raya yang diketuai oleh Awang Sarif Hidayatullah bin Iskandar, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis berkenaan adalah sebagai salah satu usaha Kementerian Kesihatan dalam menyemarakkan syiar Islam di samping memupuk semangat perpaduan, kerjasama dan sifat prihatin dalam kalangan warga kementerian serta masyarakat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

## Ibadah korban simbol ketaatan, pengorbanan, ketakwaan kepada Allah

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bersama Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM mengagihkan daging-daging korban kepada para penerima (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Ibadah korban bukan sekadar amalan penyembelihan haiwan tetapi merupakan simbol ketaatan, pengorbanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Melalui kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam, kita dapat melihat bagaimana kedua-duanya sanggup meletakkan perintah Allah mengatasi segala-galanya, walaupun melibatkan perkara yang paling dicintai.

Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Fuad bin Haji Matahir menyatakan demikian dalam ceramah khasnya pada Majlis Ibadah Korban bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Dewan Bankuet Bangunan JPM, hari ini.

Ceramah yang bertajuk 'Antara Cinta dan Takwa' juga menceritakan kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam mengajar bahawa setiap pengorbanan yang dilakukan kerana Allah tidak akan disia-siakan. Bermula daripada perintah meninggalkan Siti Hajar dan Nabi Ismail di bumi Mekah yang tandus sehinggalah perintah menyembelih Nabi Ismail Alaihissalam semuanya dilaksanakan dengan penuh keimanan, kesabaran dan tawakal.

Sebagai balasan, jelas Awang Muhammad Fuad lagi, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan pelbagai nikmat dan kemuliaan kepada Baginda serta mengabadikan peristiwa tersebut sebagai syiar Islam melalui ibadah korban dan haji.

Awang Muhammad Fuad seterusnya menghuraikan pengajaran utama daripada kisah berkenaan, iaitu bahawa yang sampai kepada Allah bukanlah darah atau daging korban tetapi ketakwaan dalam hati seorang hamba.

"Oleh itu, setiap Muslim perlu bermuhasabah dan bertanya kepada diri sendiri : "Apakah Ismail kita pada tahun ini?" Mungkin ia berupa tabiat buruk, sifat ego, kecintaan kepada dunia atau perkara-perkara yang menghalang kita daripada mendekatkan diri kepada Allah.

"Justeru, semangat pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam hendaklah menjadi inspirasi untuk kita berhijrah ke arah kehidupan yang lebih baik. Dengan mengorbankan perkara yang menjauhkan kita daripada Allah, kita dapat membina ketakwaan, memperbaiki diri dan menjadi hamba yang lebih dekat kepada-Nya," katanya lagi.

Tambahnya,semoga ibadah korban yang dilaksanakan diterima oleh Allah dan menjadi asbab peningkatan iman serta ketakwaan dalam kehidupan kita.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzudin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran yang kemudiannya juga membacakan Doa Selamat.

Majlis kemudiannya diikuti dengan pengagihan daging-daging korban oleh tetamu kehormat majlis; bersama Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, kepada para penerima terdiri daripada golongan asnaf yang terpilih daripada senarai yang berdaftar di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) serta para penerima dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan bagi majlis pada tahun ini yang dikendalikan bersama oleh Pejabat Teknologi Maklumat dan Inovasi, Pejabat Media-Info, dan Pejabat Antarabangsa di JPM, dengan kerjasama dari Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, jemputan-jemputan khas, Setiausaha-setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ibadah korban berkenaan adalah antara amalan sunat muakkadah (amalan-amalan sunat yang sangat dituntut) yang dapat melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara hikmah pensyariatan ibadah korban adalah korban merupakan ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Asas dalam ibadah ialah *ta'abudiyyah* (kehambaan), iaitu patuh dan taat.

# 38 ASNAF TERIMA AGIHAN DAGING KORBAN

**Oleh : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**MARABURONG**, Sabtu, 30 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Ibadah Korban yang dianjurkan oleh Jabatan Penjara selaku pengendali majlis bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada petang tadi bertempat di Surau Taubatus Salihin, Institusi Penjara Maraburong Fasa III.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan laungan Takbir Hari Raya yang diketuai oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Majlis turut diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Hilman Haji Salim serta persembahan qasidah daripada Majlis Selawat Al-Muslihun yang terdiri daripada penghuni-penghuni Penjara Maraburong Fasa III.

Majlis seterusnya diikuti dengan penyampaian daging-daging ibadah korban kepada seramai 38 asnaf dari Mukim Keriam yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Ugama Institusi Penjara Maraburong Fasa III, Awang Ramlan bin Haji Jais.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan di bawah KHEDN, pegawai-pegawai dan kakitangan, Jabatan Penjara.



**CERAMAH disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman Haji Salim (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menghadiri majlis tersebut.**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat mengagihkan daging korban kepada penerima.**



# 218 warga KHEDN terima Pingat Kerja Lama

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir dan menyampaikan Pingat Kerja Lama kepada para penerima (atas kanan dan atas), manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Seramai 218 pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun.

Majlis berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, hari ini.

Penyampaian P.K.L disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan KHEDN serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.





Pelita Brunei

# TANDA SYUKUR ATAS SEGALA NIKMAT KURNIAAN ALLAH



Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS,** Sabtu, 30 Mei. – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.



Turut hadir, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan laungan Takbir Hari Raya secara beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Pegawai Perhutanan Tingkat II, Jabatan Perhutanan, Awang Mohammad Zukrina bin Haji Daimun.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta penterjemahannya yang telah disampaikan oleh penuntut-penuntut dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan seterusnya Ceramah Khas sempena ibadah korban bertajuk 'Ibadah Korban Sebagai Asas Kepimpinan dan Perancangan Strategik' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Safwan bin Haji Mohd. Sufian.

Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian daging-daging korban kepada penerima lelaki oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, manakala bagi penerima perempuan pula disampaikan oleh Dayang Hajah Tutiaty.

Sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorban yang disertai oleh 21 peserta dan seterusnya diagihkan kepada 97 penerima yang terdiri daripada kakitangan KSSUP.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengagihkan daging korban berkenaan kepada penerima lelaki (atas) manakala gambar kiri, penerima perempuan pula disampaikan oleh Setiausaha Tetap KSSUP. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

Majlis Korban berkenaan diadakan setiap tahun sebagai tanda bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu untuk memupuk nilai persaudaraan dan ukhuwah Islamiah dengan saling bantu membantu antara satu sama yang lain.




# Kementerian Pembangunan anjurkan Majlis Ibadah Korban



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**YANG Berhormat Menteri Pembangunan mendengarkan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin (kiri), sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Mei. - Kementerian Pembangunan tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah / 2026 Masihi dengan menganjurkan Majlis Ibadah Korban yang berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) berkenaan dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku tetamu kehormat.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Ceramah Khas bertajuk 'Penghayatan Ibadah Korban' yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Acara kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging korban yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada 60 penerima yang berkelayakan, terdiri daripada kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada tahun ini, sebanyak empat ekor kerbau telah dikorbankan dalam pelaksanaan ibadah korban berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan kesejahteraan untuk semua yang hadir.

Majlis Ibadah Korban tersebut merupakan antara aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Pembangunan yang mencerminkan komitmen berterusan kementerian dalam menyemarakkan syiar Islam, di samping memperkukuh ukhuwah serta semangat kebajikan dalam kalangan warga kementerian dan golongan yang memerlukan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shahruddin Khairul bin Haji Anuar; Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, selaku Pengerusi Majlis; ketua-ketua jabatan, ketua-ketua divisyen dan unit, serta pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan bersama jabatan-jabatan di bawahnya.

# MEMPERKUKUH NILAI KEMURAHAN HATI, KEPEDULIAN SOSIAL BERLANDASKAN ISLAM

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Siti Rokiah Abdullah







YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, Kementerian Pendidikan (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

**LAMBAK KANAN**, Sabtu, 30 Mei. – Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh petang tadi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban Tahun 1447 Hijrah/ 2026 Masihi, Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Majlis berkenaan diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Hazmi bin Haji Ahmad.

Majlis kemudian diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Antara Kasih Ayah dan Ketaatan Anak : Membina Keluarga Bertakwa' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada para penerima, peserta korban serta penerima afdal penduduk Mukim Berakas 'B'.

Majlis seterusnya diserikan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dan Anwari oleh Kumpulan Tausyeh Firqah Al-Azkiya yang terdiri daripada para pelajar Universiti Teknologi Brunei sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Penganjuran majlis berkenaan merupakan antara aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Pendidikan bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam di samping memupuk nilai keimanan, kesyukuran dan belas ihsan dalam kalangan warga kementerian.

Selain itu, ia juga bertujuan memberi peluang kepada warga kementerian untuk beramal dan bersedekah kepada golongan yang memerlukan, sekali gus memperkukuh nilai kemurahan hati dan kepedulian sosial berlandaskan ajaran Islam.

Pada tahun ini, sebanyak lima ekor kerbau telah dikorbankan hasil penyertaan pegawai, kakitangan serta ahli keluarga warga Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pemimpin - pemimpin sekolah, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

# KKBS agihkan daging korban kepada 226 penerima





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagihkan daging korban bagi penerima lelaki. Sementara gambar bawah kanan, pengagihan bagi penerima perempuan disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, KKBS. Manakala gambar bawah kiri, Tazkirah Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) petang tadi menganjurkan Majlis Ibadah Korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Digadong, KKBS, di sini.

Pada majlis tersebut, agihan daging korban telah disampaikan kepada seramai 226 penerima yang terdiri daripada kakitangan serta anak-anak yatim pegawai dan kakitangan KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya, di samping penghuni Pusat Penempatan Sementara (PPS) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Pengagihan daging korban bagi penerima lelaki disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku tetamu kehormat majlis.

Manakala pengagihan bagi penerima perempuan disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Awang Muhammad Nabil bin Haji Ruslan.

Acara kemudian diteruskan dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Ibadah Korban Lambang Ketaqwaan' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis antara lain merupakan salah satu usaha berterusan kementerian dalam menyemarakkan syiar Islam, di samping memupuk semangat kebersamaan, keprihatinan dan ukhuwah dalam kalangan warga kementerian serta masyarakat yang memerlukan.

Turut hadir, para pengarah, pegawai kanan, pegawai serta kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.






# IBADAH KORBAN MEMBENTUK KETAKWAAN, MENYUCIKAN JIWA DARIPADA SIFAT MAZMUMAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Durahman





YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Datin hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kiri, Yang Berhormat semasa mengagihkan daging korban kepada salah seorang penerima.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Ibadah korban bukan sekadar amalan menyembelih haiwan, tetapi merupakan simbol pengorbanan, ketaatan dan kecintaan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Melalui kisah agung Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam itu mengajak kita untuk memahami bahawa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala perlu dibuktikan dengan pengorbanan dan kepatuhan kepada perintah-Nya.

Demikian antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian pada Majlis Ibadah Korban dan Sambutan Hari Raya Aidiladha Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan - jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya bagi tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC hari ini.

Awang Muhammad Safwan dalam ceramahnya juga menjelaskan mengenai hikmah di sebalik ibadah korban dalam membentuk ketakwaan, menyucikan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah, serta mendidik manusia untuk melawan hawa nafsu dan unsur-unsur negatif yang menghalang perjalanan menuju Allah.

Jelasnya lagi, pengorbanan yang perlu dilakukan dalam kehidupan seharian, termasuk meninggalkan kemungkaran, memperbaiki akhlak dan membina keperibadian Muslim yang lebih baik.

Di samping memelihara hubungan dengan Allah (Hablum Minallah) katanya, ibadah korban juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan sesama manusia (Hablum Minannas) melalui amalan berkongsi rezeki, membantu golongan yang memerlukan, memupuk kasih sayang serta mempereratkan perpaduan dalam masyarakat.

Justeru, beliau mengajak para hadirin menjadikan semangat pengorbanan sebagai jalan untuk mencapai ketakwaan, memperkukuh ukhuwah dan meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis anjuran Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Datin, yang seterusnya mengagihkan daging-daging korban berkenaan kepada para penerima yang terdiri daripada golong asnaf yang berhak menerimanya.

Terdahulu, Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Takbir Hari Raya yang dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohamad Aduka bin Haji Abdul.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Impak Pengorbanan Dalam Memelihara Ketakwaan dan Perpaduan' yang disampaikan oleh Awang Muhammad Safwan.

Pada tahun ini, sebanyak empat ekor kerbau telah dikorbankan dan daging-daging korban diagihkan kepada para penerima yang terdiri daripada peserta ibadah korban, anak-anak yatim serta pegawai dan kakitangan MTIC berserta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Selain pengagihan kepada para penerima pada majlis berkenaan, pengagihan daging korban turut dilaksanakan oleh BDMD melalui penghantaran terus ke rumah-rumah golongan asnaf yang kurang berkemampuan yang telah dikenal pasti di kawasan tadahan Mukim Berakas.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai dan kakitangan MTIC serta jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

# Mahkamah-mahkamah Syariah semarakkan Hari Raya Aidiladha





YANG Amat Arif / Yang Berhormat Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa mengagihkan daging korban kepada penerima yang terpilih dan seterusnya menyampaikan cenderahati penghargaan kepada masjid tersebut (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-mahkamah Syariah

**JUNJONGAN,** Sabtu, 30 Mei. - Mahkamah - mahkamah Syariah dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam Kampung Junjongan telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Mahkamah-mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya disusuli dengan ucapan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Haji Kaharudin bin Mohd. Ali, selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan pengagihan daging korban kepada penerima yang terpilih.

Sebanyak dua ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini.

Pengagihan daging-daging korban tersebut telah disempurnakan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie kepada 20 ketua keluarga yang terdiri daripada penerima-penerima dari kawasan Kampung Junjongan dan sekitarnya.

Daging-daging korban juga turut diagihkan kepada pegawai dan kakitangan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Majlis yang diadakan adalah sebagai acara tahunan Mahkamah-mahkamah Syariah, yang bertujuan sebagai wadah bagi warga-warga Mahkamah-mahkamah Syariah serta keluarga bagi sama-sama melakukan ibadah korban yang sangat dituntut di samping menyemarakkan lagi sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Juga hadir, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhammad; Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Pemangku Ketua Pendaftar; Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam Kampung Junjongan.

# BERKONGSI REZEKI DENGAN GOLONGAN MEMERLUKAN

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut semasa hadir menyempurnakan penyampaian daging korban kepada salah seorang penerima (atas kanan). Sementara gambar atas, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman turut mengagihkan daging korban kepada para penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjung Bunut telah mengadakan Majlis Penyerahan Daging Ibadah Korban kepada golongan asnaf fakir dan miskin di Kampung Tanjong Bunut.

Majlis berkenaan diadakan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di masjid berkenaan, di sini, pagi tadi.

Hadir menyempurnakan penyampaian daging korban berkenaan kepada para peserta, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Sementara itu, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Abdul Kani pula menyampaikan daging korban kepada 16 penerima yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin Kampung Tanjong Bunut.

Pada tahun ini, sebanyak enam ekor kerbau telah dikorbankan dan hasil daging korban berkenaan diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

Majlis berkenaan merupakan antara usaha berterusan pihak masjid dan MPK Tanjong Bunut dalam menyemarakkan syiar Islam, di samping memupuk semangat keprihatinan, perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat.



Selain mencerminkan nilai pengorbanan dan kesyukuran yang menjadi teras sambutan Hari Raya Aidiladha, inisiatif berkenaan turut menggalakkan amalan saling membantu serta berkongsi rezeki dengan golongan yang memerlukan.

# JMK, RB imarahkan Aidiladha dengan ibadah korban



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada para penerima (kiri dan bawah).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Sebanyak empat ekor sapi dan empat ekor kerbau telah disembelih untuk dijadikan ibadah korban bagi warga Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB).

Majlis Pengagihan Daging Korban telah berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Darulifta', JMK, di sini.

Pada tahun ini seramai 166 penerima yang berhak telah dikenal pasti.

Tetamu kehormat majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Penolong Mufti (Buhuth), Dato Seri Setia Dr. Haji Mazanan bin Yussof; Penolong Mufti ('Ifta), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah; Ketua Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini; Pemangku Pengarah Pentadbiran, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman; Ketua Pegawai Risiko, Awang Kamal Ariffin bin Dato Paduka Haji Abd. Rahman, selaku Pengerusi Badan Kebajikan RB; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari kedua-dua institusi.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran JMK selaku Pengerusi Bersama majlis.

Daging-daging korban tersebut diagihkan kepada 52 ketua keluarga dan wakil penerima yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan Ketua Pegawai Eksekutif Interim RB, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Ibadah Korban yang dilaksanakan secara bersama ini merupakan acara tahunan antara kedua-dua institusi.

Kesepakatan ini telah lahir sejak 27 tahun yang lalu, bermula pada tahun 1999.




## Nilai keprihatinan, semangat berkongsi rezeki dengan golongan memerlukan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**GADONG**, Ahad, 31 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI), baru-baru ini telah mengadakan Majlis Ibadah Korban PPDB bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Kompleks Ibu Pejabat PPDB, Gadong.

Hadir pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin bersama Datin.

Juga berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan laungan Takbir Hari Raya yang diketuai oleh Imam Surau Polis Gadong, APO S/SGT 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan penyampaian daging korban kepada golongan asnaf yang telah dikenal pasti.

Pada tahun ini, seramai sembilan peserta telah menyertai ibadah korban yang melibatkan penyembelihan dua ekor sapi dan seekor kambing. Sebahagian daripada daging korban berkenaan telah diagihkan kepada seramai 13 asnaf di bawah Mukim Gadong 'A' dan Mukim Gadong 'B'.

Turut hadir, para pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota pangkat rendah serta kakitangan awam PPDB.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Ibadah Korban yang diadakan saban tahun berkenaan merupakan antara aktiviti keagamaan yang bertujuan untuk menghayati syiar Islam, memupuk semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan warga PPDB serta mengeratkan silaturahim dengan masyarakat.

Di samping itu, ibadah korban berkenaan juga mencerminkan nilai keprihatinan dan semangat berkongsi rezeki kepada golongan yang memerlukan, sejajar dengan tuntutan agama Islam.

Sebagai mengingatkan akan kelebihan ibadah korban, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih diredai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduk, kuku dan bulunya dan Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi, oleh itu elokkan korban kamu". Hadis Riwayat Tirmizi, No. 1493.



**PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin semasa menyampaikan daging korban kepada salah seorang penerima.**



# سروان سوچي

# كتقوأن ترس كقواتن ڤرتاهنن نكارا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن منيڠكتكن كإيمانن كقدث. سسوڠڮوهث اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سبحانه وتعالى، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كأمانن دان كسجهترأن نكارا اداله نعمت بسر يڠ دكورنياكن اوليه الله سبحانه وتعالى كڤد مسبواه بڠسا. تنڤا كأمانن، كهيدوڤن اكن منجادي هورو-هارا دان أوروسن هارين تركڠڮو. اوليه ايت، نعمت اين واجب دشوكوري دان دڤليهارا سوڤاي نكارا تروس أمان، رعيت هيدوڤ سجهترا دان تانه أير ككل معمور.

بكيتو جوك، كسجهترأن رعيت دان كمعمورن نكارا بركنتوڠ كڤد صفة تقوى دان أمانه دالم ديري ستياڤ إنديۏيدو. نيلاي-نيلاي اين منجادي أساس كقواتن بڠسا سرتا بينتيڠ كوكوه دالم ممڤرتاهنكن كأمانن دان كدولتن نكارا.

باڬي مريك يڠ ميكول تڠڬوڠجواب ممڤرتاهنكن تانه أير، توڬس ترسبوت بوكن سقدر ڤكرجأن، تتاڤي ساتو أمانه يڠ بسر دان موليا. إي منونتوت ڤڠوربانن جيوا دان راڬا دمي ممستيكن نكارا تروس أمان، بردولت، دحرمتي دڤرسادا دنيا سرتا ككل سجهترا دان سلامت اونتوق جنراسي ماس كيني دان اكن داتڠ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

دالم كونتيكس نكارا كيت، أڠكتن برسنجات دراج بروني ميكول أمانه يڠ أمت بسر دالم ممڤرتاهنكن كدولتن نكارا، مليندوڠي رعيت سرتا ممستيكن كأمانن سنتياس ترڤليهارا. توڬس اين بوكن سقدر تڠڬوڠجواب ڤروفيسيونل، بهكن مروڤاكن ساتو عبادة يڠ تيڠڬي نيلايث دسيسي الله سبحانه وتعالى اڤبيل دلقسناكن دڠن ڤنوه كإخلاصن.

أڠكتن برسنجات دراج بروني برڤڬڠ تڬوه كڤد نيلاي-نيلاي ترس ياءيت تقوى، ستيا، براني، دان ڤروفيسيونل. نامون دمكين، نيلاي تقوى مروڤاكن تونجڠ أوتام يڠ مڠهيدوڤكن سرتا ممندو كسلوروهن نيلاي ترسبوت، سكاليڬوس منجادي كقواتن دالمن يڠ ممبنتوق جاتي ديري ستياڤ أڠڬوتا.

سسوڠڮوهث تقوى ملاهيركن أڠڬوتا يڠ بردسيڤلين تيڠڬي، جوجور دالم ملقسناكن أمانه، برسيه درڤد سبارڠ ڤليوڠن سرتا تڬوه مميليهارا إنتيڬريتي ديري دان ڤاسوقن. إينله أساس كقواتن سبنر يڠ ممستيكن ڤاسوقن سنتياس تڬاڤ برديري ممڤرتاهنكن كدولتن نكارا.

أڠڬوتا يڠ برتقوى مپدري بهاوا ستياڤ توڬس اداله عبادة، ستياڤ أمانه ڤستي اكن دڤرسوءالكن دان ستياڤ ڤڠوربانن تيدق اكن سيا-سيا، بهكن اكن منداڤت ڬنجارن دسيسي الله سبحانه وتعالى. دڠن كسدرن اين، مريك برخدمت بوكن سهاج دمي نكارا، تتاڤي جوك دمي مرايه كريضأن إلٰهي، منجاديكن ڤرجواڠن مريك لبيه برمعنى دان دبركتي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

إسلام تله مڠاجركن بهاوا كقواتن كتنترأن تيدق هاڽ بركنتوڠ كڤد كلڠكڤن سنجات، تيكنولوڬي اتاو ستراتيجي سمات-مات. بهكن كقواتن سبنر ترلتق ڤد كتقوأن كڤد الله سبحانه وتعالى، كتڬوهن جيوا، ذكر يڠ بترروسن، كطاعتن يڠ تيدق بربله بهاڬي دان كصبرن دالم مڠهادڤي سكلا أوجين.

إينله أساس كقواتن يڠ ممباوا كڤد كمنڠن يڠ دبركتي كران سسوڠڮوهث كمنڠن دالم إسلام بوكن هاڽ دأوكور دڠن كحايأن دميدن ڤرڠ، تتاڤي دڠن سجاوه مان كطاعتن دان ڤرڬنتوڠن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دالم ستياڤ كأدأن. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأنفال أية ٤٥:

**واهاي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! اڤبيل كامو برڤرڠ دڠن ڤاسوقن (موسوه) مك هندقله كامو تتڤ تڬوه مڠهادڤين، دان ايڠتله الله باڽق-باڽق سوڤاي كامو برأوليه كمنڠن.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

رسول الله صلى الله عليه وسلم تله ممبنتوق ڤارا صحابت رضي الله عنهم سباڬاي جنراسي ڤجواڠ يڠ لوار بياسا، بوكن سهاج كاڬه دميدن ڤرجواڠن، بهكن لوهور أخلاقڽ. بڬيندا صلى الله عليه وسلم تله منانمكن ديسيڤلين يڠ تيڠڬي، كطاعتن كڤد ڤميمڤين سرتا ملارڠ كرس سبارڠ بنتوق كظاليمن، ڤڠخياناتن دان ملمڤاوي باتس. مريك برجواڠ بوكن كران كمشهورن اتاو كڤنتيڠن دنيا، تتاڤي أتس داسر إيمان دان أمانه اونتوق منيڠڬيكن أكام الله سبحانه وتعالى.

ماري كيت ڤرهاتيكن ڤريستيوا ڤڤرڠن خندق، كتيك أومت إسلام بردڤن أنچمن بسر يڠ مڠڬوڬت كسلامتن مدينة. دالم كأدأن يڠ أمت منچابر ايت، رسول الله صلى الله عليه وسلم سنديري تورون ڤادڠ برسام ڤارا صحابت رضي الله عنهم مڠڬالي ڤاريت، مناهن لاڤر، كلتيهن دان كڤايهن. إين منونجوقكن بهاوا كڤيمڤينن دالم إسلام بوكن هاڽ مبري أرهن، تتاڤي توروت ميكول ببن دان مراساءي كسوسهن برسام أڠڬوتا.

نامون، كقواتن مريك بوكن سقدر ڤد ستراتيجي ڤرتاهنن يڠ بيجقسان، بهكن ڤد كقواتن روحاني دڠن ممڤرباڽقكن دعاء، ذكر دان توكل كڤد الله سبحانه وتعالى. هاتي مريك برساتو، لڠكه مريك سايريڠ دان كصبرن مريك تڬوه تيدق بربله بهاڬي. مك دڠن إذن الله سبحانه وتعالى، ڤرتولوڠن ڤون داتڠ، ممبوقتيكن بهاوا اڤبيل إيمان دان أوسها برساتو، كمنڠن اكن برڤيهق كڤد اورڠ يڠ برتقوى.

بكيتو جوك قيصه حذيفة بن اليمان رضي الله عنه، يڠ دأمانهكن اوليه رسول الله صلى الله عليه وسلم اونتوق مپوسوڤ ماسوق كدالم باريسن موسوه باڬي منداڤتكن معلومت. دالم سواسان مالم يڠ ڬلڤ، أڠين يڠ كنچڠ سرتا أنچمن يڠ ساڠت بربهاي، بلياو ملقسناكن توڬس ترسبوت دڠن ڤنوه كطاعتن، أمانه دان ديسيڤلين يڠ تيڠڬي. والاوڤون مڤوڽاءي ڤلواڠ اونتوق برتيندق دلوار أرهن، بلياو تتڤ برڤڬڠ تڬوه كڤد ڤرينته رسول الله صلى الله عليه وسلم تنڤا ملمڤاوي باتس. اين منونجوقكن بهاوا كقواتن سأورڠ تنترا بوكن هاڽ ترلتق ڤد كبرانين، تتاڤي جوك ڤد كڤاتوهن، كاولن ديري دان كستيأن كڤد أرهن.

سموا ڤريستيوا اين منكسكن بهاوا كقواتن سبنر دالم كتنترأن منوروت إسلام بوكن سقدر ترلتق ڤد كقواتن فيزيكل اتاو كلڠكڤن ماتيريال، تتاڤي ڤد كابوڠن إيمان يڠ كوكوه، أخلاق يڠ موليا، ديسيڤلين يڠ تيڠڬي، سرتا كطاعتن يڠ تيدق بربله بهاڬي. إينله كمبرن تنترا برإيمان يڠ واجر كيت تلادني ياءيت يڠ قوات جسمانين، تڬوه روحانين، برسيه أخلاقڽ دان لوروس نيتڽ سمات-مات كران الله سبحانه وتعالى. دڠن كقواتن اينله، مريك بوكن سهاج ممڤو ممڤرتاهنكن نكارا، ماله مڠاڠكت مرواه بڠسا دان أڬام كتاهڤ يڠ لبيه تيڠڬي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

جك كيت إيڠين ممستيكن كأمانن تروس ترڤليهارا دان نكارا سنتياس دبركتي، مك ستياڤ درڤد كيت ڤرلو ممإينكن ڤرانن دالم منونيكن أمانه اين. أمانه منجاڬ كأمانن بوكن هاڽ ترلتق دباهو أڠڬوتا كسلامتن سمات-مات، بهكن مروڤاكن تڠڬوڠجواب برسام سلوروه رعيت دان ڤندودوق نكارا اين.

كيت هندقله ماتوهي أوندڠ-أوندڠ، مميليهارا ڤرڤادوان، سالیڠ مڠحرمتي، سرتا منجاوهي سكلا ڤربواتن يڠ بوليه مڠڬوڬت كستابيلن نكارا. سموا إين مروڤاكن مانيفيستاسي كتقوأن دالم كهيدوڤن سهارين، يڠ ممبوقتيكن بهاوا كأمانن يڠ برككلن لاهير درڤد إيمان يڠ تڬوه دان أخلاق يڠ موليا.

ماريله كيت سموا، خصوصڽ ڤارا أڠڬوتا كسلامتن، تروس برخدمت دڠن ڤنوه ديديكاسي، كإخلاصن دان ديسيڤلين يڠ تيڠڬي. ڤربهاروءيله نية دالم ستياڤ توڬسن اڬر سكلا أوسها كيت منجادي عبادة يڠ دتريما دسيسي الله سبحانه وتعالى. أخيرڽ، ماريله كيت برسام-سام بردعاء اڬر الله سبحانه وتعالى ممبركتي ستياڤ أوسها كيت، مڠورنياكن كأمانن يڠ برڤنجڠن كڤد نكارا سرتا منجاديكن كيت همباڽ يڠ برتقوى، أمانه دان سنتياس برسديا ممڤرتاهنكن كدولتن نكارا دڠن ڤنوه كإخلاصن دان سماڠت چينتاكن تانه أير. آمين يا رَبَّ العالمين.

**واهاي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! برصبرله كامو (مڠهادڤي سكلا كسوكرن دالم مڠرجاكن ڤركارا-ڤركارا كباجيكن)، قواتكنله كصبرن كامو (دالم مڠهادڤي اورڠ-اورڠ كافر) دان برسياڤ سدياله (دڠن كقواتن ڤرتاهنن دسمڤادن نكري كامو) سرتا برتقوى له كڤد الله سوڤاي كامو برجاي (منچاڤاي كمنڠن). { سورة آل عمران أية: ٢٠٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Bilangan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / LSAU / TD/ TA / 02
Penyewaan Alat Kelengkapan Bagi Majlis Santap Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah Ke-80 Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran**
JDBM / LTN- 001 / 2026

**Tawaran**
Menaik Taraf Jambatan Kayu Sepanjang 1.750 Kilometer Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Mukim Burong Pingai Ayer, Mukim Kota Batu Dan Mukim Sungai Kebun Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran**
JDBM / LTN - 002 / 2026

**Tawaran**
Menaik Taraf Jambatan Kayu Sepanjang 1.137 Kilometer Kepada Tiang Dan Pak Konkrit Serta Lantai Dan Gelagar Kayu Bertempat Mukim Saba Untuk Tempoh Empat (4) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Isnin, 15 Jun 2026

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 2 / 2026 – 2027

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekalkan Plak Cenderahati Kenangan Bagi Pesara-Pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Serta Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Pada Tahun 2025

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
Isnin, 25 Mei 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
18 Jun 2026
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**
Bermula 25 Mei 2026 Khamis
Jam Semasa waktu bekerja
*Jika terlepas tarikh taklimat boleh hubungi 2382136 sambungan 2408
(Unit Hal Ehwal Kakitangan dan Korporat)

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tender Document For:**
[12 Months Term Contract] The Management Of The Dogs And Maintenance Of Shelter

**Tender No:**
KHEDN / LTK / 13 / 1 / 2026 - 2027

**Closing Date:**
Tuesday,
2nd Jun 2026
(Not Later Than 2.00 P.M.)

---

**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
PPB / CIU / IT / 2026 / 3
The Supply And Delivery Of Printer Supplies For Pusat Pekerjaan Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran:**
Selasa,
19 Mei 2026

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
PPB / CIU / COMM / 2026 / 27
To Supply And Deliver Event Supplies And Souvenirs For Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Event And Activities

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Buka Tawaran:**
Rabu,
20 Mei 2026

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 3 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

---

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Nama Dokumen Sebut Harga:**
08 / DBP / SH / 2026-2027
Mencetak Buku Nota, Pen Dan Kad Undangan DBP Sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 Dan Memperingati 65 Tahun Penubuhan DBP

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 3 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2026 - 2027 / 07

**Tajuk Tawaran:**
Appointment Of Project Management Services For The Planning, Coordination And Delivery Of Visit Brunei Year (VBY)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
Term Contract For Twelve (12) Months Road Repair Works To Runway, Taxiway, Apron And Access Roads At Brunei International Airport – FSOR
AME / 2026-2027 / SH-21
**(Kelas II atau ke atas)**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran / Sebut Harga:**
Rabu, 3 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 23 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
24 Jun 2026

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(01)NDMC / TSH / 2026-2027
Sebut harga Menyewa Fasiliti (Dewan Dan Bilik) Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(02)NDMC / TSH / 2026-2027
Perkhidmatan Jamuan Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(03)NDMC / TSH / 2026-2027
Sebut harga Pembelian Barang-Barang Keperluan Peralatan Tulis Dan Kelengkapan Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(04)NDMC / TSH / 2026-2027
Sebut harga Pembelian, Penghantaran Dan Pemasangan Sistem TV Conference Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(05)NDMC / TSH / 2026-2027
Sebut harga Pembekalan Interactive Tabletop Display System Bagi Kegunaan Semasa Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026 Dan Siri 2/2026

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
(06)NDMC / TSH / 2026-2027
Sebut harga Pembelian, Penghantaran Dan Pemasangan Sistem Virtual Conference Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 1/2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1655) / 2026 / HTD (A21)
Supply, Delivery, Replace And Install Spare Parts For Reverse Osmosis (R.O) Water Treatment System At Rimba Dialysis Centre

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1642) / 2026 / HTD (A17)
To Service And Repair One (1) Unit Of Terumo BCT Automated Blood Collection System, Bme9431, Model: Trima Accel, Sn: 1T05788 At Blood Donation Centre, RIPAS Hospital. (WO: 2025-10136)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1675) / 2026 / HTD (B8)
To Repair One (1) Unit Of Surgical Microscope, Brand: Carl Zeiss, Model: S88 At Operating Theatre, RIPAS Hospital

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(11) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / PAEDIATRIC
Supply And Delivery Of Medical Consumables For (Neonatal Unit) Paediatric Department At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(12) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / MSW
Supply And Install Desk Partition At Medical Social Workers Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Clustering)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(50) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Replace Medical Gas Alarm Panels At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(51) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply, Delivery And Installation Of Wall Mounted Dangerous Drug Cabinet (DDA) For Suri Seri Begawan Hospital

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(52) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Replace Clean Air Filters Dryer System At Block R, Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(53) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Surgical Instruments For Central Sterile Services Department (CSSD), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
DSS / HS / PROC / B50K / 2025 – 2026 / 019 (PCY)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Auto-Titrator For Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
DSS / HS / PROC / B50K / 2025 – 2026 / 020 (PCY)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Uninterrupted Power Supply (UPS) For Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(02) PPN / QTN / 2026 (POCD)
Supply And Delivery Of Restorative Materials Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(54) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)
Request To Purchase 28 Units Of Stepstool For Pharmacies Under Department Of Pharmaceutical Services

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1676) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Three (3) Units Of Midmark Autoclaves, Model: M9 (BME7767 S/N:V947941) & (Bme22299 S/N: V141589) And Model: Dentisure B18, Bme25764, S/N: DB1NCJ1375 For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1677) / 2026 / HTD (B9)
To Repair One (1) Unit Of R.O. Water Treatment System, Brand: Coremed, Model: MX-X-VIII At Rimba Dialysis Centre

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(55) PSD / QTN / 2026 – (JKPPP)
The Supply And Delivery Of Paramedic Safety Boots Under The Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(14) PIHMH / KEW / 009
Supply And Delivery I-Gel Supraglottic Airway For Emergency Department And Ambulance Service At Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Sabtu,
6 Jun 2026

---

## JABATAN TENAGA

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk memacu usaha tenaga mampan melalui pelaksanaan tenaga yang boleh diperbaharui dalam mempelbagaikan campuran tenaga Negara.

*Nota: Iklan ini bukan merupakan suatu tawaran daripada DOEPMO dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Dokumen Tawaran.*

### JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI TENDER (ITT)

Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan dan berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sistem fotovolta suria (PV) atas bumbung yang bersambung ke grid di bangunan-bangunan kerajaan terpilih. Tujuan tender ini adalah untuk melantik kontraktor yang kompeten dan berkeupayaan untuk menyediakan tenaga yang boleh diperbaharui yang kukuh dari segi teknikal, kos efektif dan menepati masa, selaras dengan peralihan tenaga bersih dan komitmen kelestarian Negara Brunei Darussalam.

YURAN TENDER: BND1,000.00
[Tidak Dikembalikan]

YURAN DOKUMEN ELEKTRONIK (Pilihan): B$5.00

PROSEDUR PENDAFTARAN:
Syarikat yang berminat hendaklah mendaftar dengan DOEPMO melalui e-mel ke:
renewable.energy@energy.gov.bn

TARIKH PEMBUKAAN: 05 Mei 2026 (Selasa)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TENDER: 09 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 03:30 petang (GMT +8.00)

TARIKH TUTUP: 23 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 02:00 petang (GMT +8.00)

---

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 01 / 2026 - 2027

**Keterangan:**
Membekal, Menyediakan dan Mengemas Jamuan Bagi Majlis Penghargaan Pelajar-Petajar Cemerlang Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H / 2026M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 02 / 2026 - 2027

**Keterangan:**
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Perkakas Dan Peralatan Dapur Bagi Dapur Di Persekolahan Arab, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2026M-2027M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 65(13) / 2026 - 2027

**Keterangan :**
Sebut Harga Bagi Membekal, Menghantar, Memasang Tangki Air Serta Pump Dan Pembinaan Tempat Berwuduk Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1447H - 1448H / 2026M - 2027M

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M
Tidak lewat
jam 2.00 petang.

---

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
12 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 26

**Tajuk Sebut Harga:**
Perkhidmatan Penyewaan Mesin Fotostat Bagi Kegunaan Bilik Gerakan Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 4 Jun 2026

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
6 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Ninety (90) Packs Of Neurotips For Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
7 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of One Hundred Fifty (150) Packs Of Monofilaments 10mg For Neuropen, Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
8 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Ten (10) Units Of Folding Stretcher For Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(01) PPN / QTN / 2026 (SDS)
Supply, Delivery And Commissioning Of Five (5) Units Portable Dental Chair With Accessories, Department Of Dental Services

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(46) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)
Supply And Replace LED TYS And Accessories For Various Places In Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(47) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Purchase Gym Machine For Physiotherapy Unit, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(48) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)
Thermal Transfer Labels With Print [Rectangle Size 90mm (Width) X 60mm (Height)] – For Bru-Hims 2.0

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
DSS / HS / PROC / B50K / 2026-2027 / 010 (PCY)
To Supply And Deliver Reference Standards For Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(29) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Office Furniture For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Non-Clustering)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(49) PSD / QTN / 2026 – (IT)
Sebut Harga Bagi Pembaharuan "Licence Oracle (CS1 – 23135516)"
Bru-Hims – Bruhealth Bagi Tempoh 17 Bulan – MOH / HTD / T04 / 2026

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
(07) JPR / QTN / 2026
Invitation To Tender For Domestic Waste Collection And Disposal Service For Rimba Dialysis Centre And Kiarong Dialysis Centre, Department Of Renal Services For A Period Of One (1) Year

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
9 / QTN / JPK / 2026
The Provision Of Cleaning Services & Grass Cutting Services For A Period Of Six (6) Months:
1. Sungai Kelugos Health Centre
2. Lamunin Health Centre
3. Telisai Health Centre

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1672) / 2026 / HTD (A20)
One Off Preventive Maintenance For Three (3) Units Of Anton Paar Multiwave Pro Microwave Digester Systems At Department Of Scientific Services

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1662) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver, Repair And Install Spare Part Of Digital Intra-Oral Unit, Brand: Planmeca, Model: Pro X (S/N: IPX019459) BME1889 (W/O: 2026-11508) At Dental X-Ray Room, Berakas Dental Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1663) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Four (4) Units Of Midmark Autoclaves, Model: Dentisure B18 BME23023, BME29623, BME25782 And Model: M9 BME20197 At Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1664) / 2026 / HTD (A21)
Supply, Delivery & Installation Of One (1) Unit Of Carbon Autotro Logix Controller And Mechanical Seal RO Pump For RO System 1 At Temburong Renal Unit, PIHM Hospital (Model: MX-II, Serial No: 200712-0248, BME6604)

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1665) / 2026 / HTD (A12)
To Perform Planned Preventive Maintenance Servicing For Mindray Beneheart D3 Defibrillators, Beneheart D1 Aeds And Beneheart C1A AEDs In Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1666) / 2026 / HTD (A21)
To Perform One Off Planned Preventive Maintenance For Seven (7) Units Of Warming Cabinet (Brand: Skytron, Model: 652421) For Renal Services Department

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1667) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1773 (S/N: FB14L0008) At Room 4, PMMPMHAMB Tutong For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1657) / 2026 / HTD (B4)
To Repair One (1) Unit Of Critical Care Bed, Brand: Proma Reha, Model: Bariatric At ICU 3, RIPASH

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1668) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Five (5) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
BME / A2K / (1669) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Three (3) Units Of Suction Motor, Brand: DURR, Model: VS300S, BME1803, BME1808 And BME1647 At Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Sabtu
6 Jun 2026

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
JPE / LTK / PSP / 008 / 2025
Construction Of New 66KV Perdayan Switchyard, Temburong District

**Harga Dokumen:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LB / TA / 1003
Pembelian Kunci Gantung Padlock AVA ASSA ABLOY 1K11

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
UBD / RFP / 001 / 2026
Request For Proposal To Operate, Manage And Maintain UBD Cafeteria At Universiti Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
11 / MAY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91
Three (3) Years General Maintenance For Fire Protection System At Ministry Of Culture, Youth And Sports Building And Sinarubai Storage Area, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
12 / MAY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91
Three (3) Years General Maintenance For Fire Protection System At Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu, Brunei Muara And Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Training Camp Building, Batu Apoi, Temburong, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

PELITA BRUNEI

# MEMPERBANYAKKAN ZIKIR, MELIPATGANDAKAN AMALAN SOLEH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Allah Subhanahu Wata'ala Maha Adil. Dia tidak menjadikan ganjaran pahala yang besar hanya untuk mereka yang berpeluang hadir di Padang Arafah. Bagi Muslimah yang berada di rumah, Allah Subhanahu Wata'ala turut membuka pintu ganjaran yang luas pada 10 hari pertama Zulhijah.

Antara amalan utama yang boleh dilakukan oleh Muslimah walaupun tidak menunaikan ibadah haji ialah berpuasa Sunat Arafah pada 9 Zulhijah; memperbanyakkan zikir seperti takbir, tahmid, tahlil dan tasbih serta melipatgandakan amalan soleh, termasuk sembahyang sunat, membaca Al-Quran, bersedekah dan berdoa.

Selain itu, bermuhasabah diri serta meninggalkan maksiat dan dosa, di samping memperbaharui taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Rebutlah kelebihan 10 hari pertama Zulhijah kerana ia merupakan antara hari-hari yang paling dicintai Allah untuk melakukan amalan soleh.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Amalan Muslimah (Yang Tidak Berhaji) di Bulan Zulhijah' yang disampaikan oleh Tenaga Pembimbing Masjid Kampung Penanjong, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong dari Masjid Kampung Penanjong bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-35 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-231, baru-baru ini.

Hadir sama dalam mengimarahkan program tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Awang Haji Asbi. Turut serta dalam sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat tersebut ialah para Muslimah dan jemaah Masjid Kampung Penanjong dan Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong serta beberapa lagi masjid di seluruh negara. Turut menyertai, warga kerja wanita di bawah KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Muslimah Masjid Kampung Penanjong, Dayang Hajah Arifah binti Mohd Arifin yang bersiaran dari Masjid Kampung Penanjong.

Diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah, Dayang Siti Nur Atiqah binti Haji Ismail dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Dayang Nurhasyimah binti Rosli.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Ibrahimiah dipimpin oleh Muslimah Masjid Kampung Penanjong, Dayang Hajah Rusiah binti Haji Idris dari Masjid Kampung Penanjong. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Penyelia Hal Ehwal Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Dayang Haziqah Najwa binti Ibrahim dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Awang Haji Asbi hadir menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-35 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-231.**

Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : *http://tiny.cc/munajatkheu*.

# Ibadah korban pupuk semangat perpaduan, kerjasama



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat mengagihkan daging korban kepada penerima (kiri), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD) Kampung Manggis / Madang hari ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diselajurkan dengan penyampaian daging-daging korban kepada para peserta yang ikut serta berkorban serta pengagihan kepada golongan asnaf.

Majlis berkenaan diadakan di pekarangan masjid berkenaan dan dihadiri oleh Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, para jemaah masjid, peserta-peserta korban serta penerima asnaf.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Khaizuran Amali bin Haji Kamsani. Acara diteruskan dengan penyampaian daging-daging korban kepada para peserta yang ikut serta berkorban dan seterusnya pengagihan kepada golongan asnaf.

Bagi tahun 1447H/2026M, sebanyak 12 ekor kerbau telah dikorbankan hasil penyertaan para peserta korban dan sumbangan orang ramai. Pengagihan daging korban kepada golongan asnaf melibatkan seramai 40 penerima, iaitu 23 orang dari Kampung Manggis dan 17 orang dari Kampung Madang.

Sementara itu, penyampaian daging korban kepada orang ramai turut dilaksanakan secara pandu lalu bagi memudahkan urusan pengagihan dan memastikan kelancaran perjalanan majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Razman bin Haji Ramlee.

Penganjuran majlis seumpama ini diharap akan terus mengukuhkan semangat perpaduan, kerjasama dan sifat prihatin dalam kalangan masyarakat di samping mengimarahkan lagi syiar Islam khususnya sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.



# Majlis Perundingan Kampung Keriam adakan Majlis Ibadah Korban

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**KERIAM**, Ahad, 31 Mei. - Keharmonian dan perpaduan menerusi gotong-royong Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriam dijalinkan dengan penuh kesepakatan apabila Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha berjaya dilaksanakan untuk kali kedua pada tahun ini.

Justeru, majlis yang dikendalikan oleh MPK berkenaan telah mengorbankan sebanyak dua ekor kerbau bagi melaksanakan ibadah korban yang diadakan bertempat di kediaman Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan.

Penyampaian agihan daging-daging korban tersebut disempurnakan oleh Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Haji Karim kepada penerima yang terdiri daripada golongan asnaf seramai 17 ketua keluarga dan 32 tanggungan masing-masing. Turut menyampaikan agihan daging-daging korban ialah Ahli Penasihat MPK Keriam, Dato Paduka Haji Abd. Aziz bin OKMB Haji Othman.

Awang Haji Bahrin menzahirkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama mengungkayahkan majlis berkenaan bermula dari awal sehingga majlis sempurna dijalankan termasuk kepada mereka yang menyumbangkan dan menghulurkan sedekah serta tenaga demi sama-sama menjayakan majlis berkenaan.

Majlis seumpama ini telah mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan Ahli-ahli MPK Keriam serta memperkukuhkan semangat kerjasama dan perpaduan sesama mereka. selain dapat mendidik anak-anak muda kampung akan ibadah korban ini yang setentunya banyak manfaatnya selain dari ganjaran pahala yang begitu besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, ia turut memupuk dan mengeratkan lagi tali silaturahim antara Ahli-ahli MPK Keriam dengan penduduk kampung serta orang ramai, selaras dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, prihatin dan saling bekerjasama.



**SUASANA pada majlis berkenaan yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan.**

# DUKUNG USAHA SERANTAU, ANTARABANGSA TANGANI JENAYAH RENTAS SEMPADAN





**YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara semasa menghadiri Mesyuarat 6th ASEAN-Russia Consultations of the High Representatives for Security Issues yang diadakan di Moscow, Persekutuan Rusia pada 27 Mei 2026 (atas dan atas kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri**

**MOSCOW**, Sabtu, 30 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Negara-negara Rakan Dialog termasuk Persekutuan Rusia akan sentiasa mendukung usaha-usaha di peringkat serantau dan antarabangsa dalam menangani cabaran - cabaran sekuriti semasa termasuk isu jenayah merentas sempadan.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) semasa menghadiri Mesyuarat 6th ASEAN-Russia Consultations of the High Representatives for Security Issues yang diadakan di Moscow, Persekutuan Rusia pada 27 Mei 2026.

Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM berada di Persekutuan Rusia untuk menghadiri Persidangan 1st International Security Forum yang dianjurkan oleh pihak Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia pada 26 hingga 29 Mei 2026.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak telah merakamkan rasa amat berpuas hati dengan kerjasama erat dan hubungan terjalin di antara NBD dan Persekutuan Rusia dalam bidang keselamatan.

Delegasi kedua-dua negara juga telah bertukar-tukar pandangan mengenai peluang - peluang kerjasama lain yang dapat diterokai di bawah MoU berkenaan di masa hadapan.

Seterusnya pada 28 Mei 2026, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian telah berpeluang untuk menghadiri Sidang Plenari 14th International Meeting of High-Ranking Officials Responsible for Security Matters yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Sergei Shoigu, dan dihadiri oleh menteri-menteri dan perwakilan tertinggi daripada 120 buah negara.

Tema bagi persidangan kali ini ialah 'Challenges and Threats to International Security in the Context of the Emergence of the Multipolar World' yang menegaskan keperluan bagi negara-negara untuk mematuhi dasar dan perundangan negara sebagai asas mengekalkan semangat keharmonian dan kerjasama di era geopolitik yang semakin mencabar.

Pada sebelah petang, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM juga berpeluang untuk mengadakan perjumpaan dua hala bersama Deputy Director of the Foreign Intelligence Service (SVR), Persekutuan Rusia, Sergei Mikheev, bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama dalam perkara-perkara yang berkepentingan bersama.

Turut menyertai delegasi NBD ke persidangan tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Muhammad Husaini bin Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin; dan Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; serta pegawai-pegawai kanan dari JPM.

Persidangan dan mesyuarat-mesyuarat tersebut telah berlangsung di Live Arena Multifunctional Complex, Moscow, Persekutuan Rusia.



# IMBASAN MINGGUAN



SUASANA pada Peraduan Mewarna, Tulisan Jawi, Azan Subuh dan Hafazan Surah-surah berlangsung di Masjid An-Na'im Rancangan Perumahan Negara Kampung, Panchor, Mengkubau. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



ANTARA pengisian atur cara semasa Majlis Hafl Al-Takharruj dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang bertempat di Dewan sekolah berkenaan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEBAHAGIAN peserta yang turut serta memeriahkan Digital Lifelines Walk sempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (World Telecommunication and Information Society Day - WTISD) 2026 yang berlangsung di Dermaga Diraja, di ibu negara. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.







ANTARA persembahan semasa Majlis Makan Malam Undang-undang Tahunan 2026 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, Jalan Residency. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

PARA peserta yang menyertai acara berbasikal 'Kampung Ku Cergas' anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi I dan MPK Labi II dengan kerjasama Kelab Basikal BSRC (Kelab Rekreasi Brunei Shell) serta Persatuan Berbasikal Daerah Belait yang bermula dari Dewan Serbaguna Mukim Labi. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SALAH seorang peniaga yang menyertai Brunei Local Food Festival di Kawasan Letak Kereta sekitar Stadium Hassanal Bolkiah dianjurkan oleh Starbugs Event Management dengan kerjasama Mijanbear dan Hamdee ke arah mempromosikan makan tempatan dan menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) negara ini. - Foto : Azmah Haji Ahad.



# MENGIMARAHKAN AIDILADHA DENGAN IBADAH KORBAN




YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat mengagihkan daging korban kepada penerima (kanan dan kiri).



**Berita dan Foto : Muhammad Aiman Najib Hamzah**

**KILANAS**, Sabtu, 30 Mei. - Pengagihan daging ibadah korban kepada jiran dan masyarakat khususnya golongan yang memerlukan dapat mengeratkan silaturahim dan memperkukuhkan perpaduan dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas mengadakan Majlis Ibadah Korban bersempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Kampung Kilanas.

Sebanyak lima ekor kerbau dikorbankan dengan penyertaan seramai 33 orang peserta ibadah korban, daging korban tersebut kemudiannya diagihkan kepada 53 penerima daripada kalangan asnaf fakir miskin penduduk Kampung Kilanas, termasuk para peserta majlis.

Pengagihan daging korban disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah penaung-penaung, Penasihat AJK dan Ahli Jawatankuasa Pandu Kerja Majlis Ibadah Korban serta ahli-ahli belia dan beliawanis masjid.

Majlis tersebut adalah salah satu aktiviti tahunan AJK Takmir Masjid Kampung Kilanas bagi menggalakkan penduduk kampung dan jemaah Masjid Kampung Kilanas untuk mengerjakan ibadah sunat sebagaimana yang dianjurkan dalam ugama Islam bagi meraih berkat pahala yang terdapat di dalamnya.

# 9 kerbau dikorbankan sempena Majlis Ibadah Korban MSSAS



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar bawah, sekitar majlis tersebut.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong**

**SENGKURONG**, Ahad, 31 Mei. - Sebanyak sembilan ekor kerbau dikorbankan dengan penyertaan seramai 63 peserta pada Majlis Ibadah Korban 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong (MSSAS) yang diadakan baru-baru ini.

Majlis Ibadah Korban ini merupakan antara acara tahunan yang tersenarai dalam kalendar aktiviti masjid, bertujuan bagi menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat dan limpah kurnia yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menggalakkan umat Islam membelanjakan harta ke jalan yang diredai-Nya.

Majlis berkenaan juga berperanan dalam memupuk semangat tolong-menolong dan bergotong-royong dalam kalangan masyarakat, sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim sesama umat Islam, khususnya antara golongan warga emas dan golongan belia.



Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian daging - daging korban pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat serta Pemangku Penghulu Mukim Sengkurong, Pemangku Ketua - ketua Kampung Sengkurong 'A', Sengkurong 'B', Kampung Tagap / Selayun dan Kampung Tanjong Nangka.

Daging-daging korban diagihkan kepada para peserta korban serta 122 penerima dalam kalangan asnaf fakir dan miskin, yang terdiri daripada 40 penerima dari Kampung Sengkurong 'A', 33 penerima dari Kampung Sengkurong 'B', 12 penerima dari Kampung Selayun, 12 penerima dari Kampung Tagap dan 25 penerima dari Kampung Tanjong Nangka.

Penyampaian daging korban kepada para penerima telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, manakala selebihnya diagihkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir MSSAS kepada orang ramai yang hadir bagi sama-sama menjayakan Majlis Ibadah Korban pada tahun ini.

# Pertubuhan WARGAMAS raikan Aidiladha dengan Majlis Ibadah Korban



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BERAKAS**, Sabtu, 30 Mei. - Dalam sama-sama meraikan ibadah korban yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak di negara ini, Pertubuhan WARGAMAS pada hari ini turut menganjurkan acara serupa buat kali kelima yang mengambil tempat di Bilik Sepakat 6, Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian daging korban ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; dan isteri, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

Atur cara diisikan dengan bacaan ayat suci Al-Quran berserta terjemahannya dibacakan oleh Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS disusuli dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Ahli MMN turut berkesempatan menyampaikan ucapan penghargaan pada majlis berkenaan dan menyambut baik akan pelaksanaan acara seumpama ini serta berharap agar ia dapat diteruskan pada masa yang akan datang lagi.

Seramai 49 peserta ibadah korban menyertai acara pada kali ini yang melibatkan sebanyak tujuh ekor kerbau dikorbankan.

Selain daripada menghayati tuntutan agama, acara berkenaan antara lain diharap dapat mengeratkan lagi ikatan tali silaturahim dalam kalangan para ahli pertubuhan dan masyarakat di luar sana khususnya bagi para asnaf fakir miskin yang menerima manfaat daripada ibadah korban tersebut.

# UNISSA ADAKAN MAJLIS IBADAH KORBAN






REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan daging korban kepada penerima (atas dan atas kiri). Tazkirah Khas disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah, Dr. Hafini bin Mahmud.

**Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah**
**Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**SINAUT**, Sabtu, 30 Mei. – Ibadah korban merupakan amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam,



iaitu dengan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha.

Sehubungan itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini meraikan dan memuliakan lagi sambutan Hari Raya Aidiladha dengan mengadakan Majlis Ibadah Korban di Dewan Al-Rayyan, Kampus Sinaut, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sebanyak lima ekor kerbau dikorbankan dan daging-daging korban diagihkan kepada 64 penerima daripada kalangan fakir miskin bagi kawasan Mukim Keriam, Daerah Tutong dan juga kepada warga UNISSA yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, kemudian diserikan dengan Tazkirah Khas bertajuk 'Pengorbanan dan Penyerahan Diri Kepada Allah, Pengajaran Daripada Nabi Ibarahim dan Nabi Ismail' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah, Dr. Hafini bin Mahmud.

Turut hadir pada majlis berkenaan, pemangku timbalan rektor, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai-pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Unit Keugamaan dan Takmir Surau, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UNISSA.

Majlis berkenaan adalah salah satu aktiviti tahunan UNISSA bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan mengeratkan lagi silaturahim warga UNISSA.

# Operasi Usai pastikan Akta Pekerjaan dipatuhi

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 127/2026 di kawasan Kampung Lambak baru-baru ini bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan mengutip sampah telah mendapati sebanyak tujuh kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja iaitu Bab 10 Pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 70 Majikan gagal memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan; Bab 71 Majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; dan Bab 112(1) Menggaji pekerja asing tanpa Lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain.

Antara kesalahan lain yang didapati adalah kesalahan yang dipercayai dilakukan oleh majikan asal pekerja tersebut iaitu Bab 112(1) Lesen Pekerja Asing atas nama pekerja yang didapati tersebut dipercayai telah mansuh.

Manakala dua kesalahan Bab 112(2) Melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, yang mana pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan Assistant Manager bagi kegiatan pembinaan melakukan pekerjaan sebagai pemandu jentera berat mengangkut sampah dan kesalahan terhadap pekerja syarikat lain iaitu pekerja didapati bekerja dengan majikan lain tanpa ada sebarang kebenaran yang sah.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis yang ditandatangani oleh majikan dan pekerja, memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, memberikan cuti tahunan berbayar setelah tiga bulan berkhidmat di syarikat yang sama, tidak menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain, memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh, Lesen Pekerja Asing hendaklah dibaharui sebelum mansuh, dan pekerja yang dijamin hendaklah diberikan pekerjaan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 semasa waktu bekerja atau +673 7298989 di luar waktu bekerja.




**OPERASI Usai 127/2026 yang diadakan di kawasan Kampung Lambak baru-baru ini.**





Belia Berwawasan

# The Boy Who Bakes, inspirasi identiti, personaliti Huzaimi

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Foto : Ihsan Awang Haji Ahmad Huzaimi Johari**

SIAPA sangka minat mencuba resipi kek ketika waktu lapang akhirnya membuka jalan kepada dunia pembuatan kek penuh sentuhan serta perincian artistik.

Itulah perjalanan dilalui Awang Haji Ahmad Huzaimi bin Johari, belia berasal dari Kampung Sungai Akar pengasas kepada The Boy Who Bakes Patisserie atau lebih dikenali sebagai *@theboywhobakes.bn*, sebuah perniagaan kecil yang memfokuskan kepada penghasilan kek dan pastri secara *homemade* dengan sentuhan penuh perincian artistik.

Mengimbau perjalanan awalnya dalam bidang itu, Awang Haji Ahmad Huzaimi atau lebih dikenali sebagai Huzaimi berusia 30 tahun Jun ini dan kini sedang menyambung pengajian ke peringkat Ph.D dalam jurusan Management (Pengurusan) mengakui yang dia bukan daripada latar belakang kulinari, walaupun bidang pengajiannya lebih tertumpu kepada pengurusan dan bukan khusus dalam bidang kulinari atau pastri, ia percaya ilmu pengurusan sangat membantunya dalam mengendalikan perniagaan, khususnya dari segi pengurusan operasi, pelanggan, pemasaran dan pembangunan jenama.

"Namun begitu, saya mempunyai sedikit latar belakang yang berkaitan. Semasa di peringkat 'A' Level, saya pernah mengambil subjek Food Study yang memberikan saya pendedahan asas mengenai makanan, teknik penyediaan dan aspek berkaitan kulinari. Selain itu, jurusan Hospitality Management yang diambil secara tidak langsung membantu saya memahami industri makanan dan perkhidmatan dengan lebih mendalam, sedikit sebanyak membantu saya membina keyakinan dan asas dalam bidang pembuatan kek dan pastri yang saya ceburi hari ini," ujar Huzaimi.

## Awal perjalanan meminati bidang pastri dan kek

"Minat saya terhadap dunia masakan sebenarnya bermula sejak usia yang sangat muda, iaitu sekitar umur enam tahun. Semuanya bermula melalui arwah ibu saya yang sering memasak untuk keluarga di rumah. Melihat minat saya terhadap dapur, beliau perlahan-lahan mula mengajar saya perkara asas dalam masakan seperti mengupas dan memotong bawang, serta membersihkan bahan mentah seperti ayam, udang dan ikan yang lama-kelamaan menjadikan saya seperti *sous chef* kecil beliau," cerita Huzaimi kepada Pelita Brunei.

Selain itu, minat tersebut juga banyak dipengaruhi oleh persekitaran keluarga sebelah keluarga ibu beliau kebanyakan lelaki memang tahu memasak dan perkara tersebut dianggap sesuatu yang biasa. Malah, setiap kali ada anak atau cucu yang menunjukkan minat di dapur, mereka akan sentiasa memberikan galakan dan sokongan. Suasana inilah membuatkannya membesar dengan pemikiran bahawa memasak bukan hanya satu kemahiran, tetapi juga satu bentuk kasih sayang dan cara untuk menghargai orang lain.

"Minat saya terhadap *baking* pula berkembang sedikit lewat, ketika trend *cupcake* sedang popular pada waktu itu. Kakak saya yang sememangnya mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam *baking* mula menerima banyak tempahan *cupcake* yang dibantu oleh saya dan abang menyiapkan tempahan-tempahan tersebut dan ini menjadikan saya jatuh cinta dengan dunia *baking*, hinggalah kepada seni menghias kek dan *cupcake*. Bagi saya, *baking* mempunyai gabungan aspek teknikal dan kreativiti yang sangat menarik," beliau menjelaskan penuh minat.

Melihat minat Huzaimi yang semakin mendalam dalam bidang ini, arwah ibu terus memberikan sokongan dengan mendaftarkannya ke kelas *baking* secara fizikal dan juga dalam talian.

"Saya masih ingat bagaimana beliau sering menunjukkan iklan kelas *baking* yang ditemui di media sosial dan menggalakkan saya untuk menyertainya, pengalaman-pengalaman diperoleh sedikit membentuk keyakinan, kemahiran dan kecintaan saya terhadap bidang pastri dan pembuatan kek sehingga lahirnya 'The Boy Who Bakes' hari ini," tambahnya.

## The Boy Who Bakes

The Boy Who Bakes Patisserie (*@theboywhobakes.bn*) secara rasminya ditubuhkan pada 2 Mac 2020, satu tarikh yang sangat bermakna bagi Huzaimi sendiri kerana ia juga merupakan hari lahir arwah ibu beliau.

The Boy Who Bakes dipilih kerana saya ingin membawa identiti yang sedikit berbeza daripada kebiasaan. Kita sering melihat bidang pembuatan kek dan pastri ini lebih sinonim dengan wanita, jadi saya mahu menunjukkan bahawa lelaki juga boleh menceburi bidang ini dan berjaya melakukannya.

"Bagi saya, minat, bakat dan kreativiti tidak seharusnya dibatasi oleh jantina kerana setiap individu mempunyai kebolehan dan potensi masing-masing. Secara tidak langsung, nama ini juga membawa mesej mengenai *gender equality* 'hak kesamarataan', iaitu bahawa lelaki dan wanita sama-sama mampu berjaya dalam apa jua bidang yang mereka minati, termasuk dalam dunia *baking* dan pastri.

"Perkataan 'Boy' itu sendiri melambangkan identiti dan personaliti jenama saya. Saya mahu nama tersebut kedengaran santai, moden dan mudah diingati oleh orang ramai. Selain itu, nama The Boy Who Bakes juga sebenarnya diinspirasikan daripada siri cerita kegemaran saya, iaitu Harry Potter. Di situlah saya mendapat idea untuk mengubahnya menjadi The Boy Who Bakes, yang mempunyai elemen personaliti sendiri, dan pada masa yang sama mudah menarik perhatian orang ramai," terang Huzaimi.

Nama tersebut mendapat perhatian dan membuatkan orang lebih mudah mengenali jenamanya ia juga membawa sedikit elemen nostalgia dan minat peribadi beliau terhadap dunia fantasi dan penceritaan yang banyak memberi inspirasi kepadanya sejak kecil.

## Sosial Media

Pada peringkat awal, Huzaimi menggunakan media sosial, khususnya Instagram, sebagai medium utama untuk memperkenalkan hasil bakerinya kepada orang ramai dengan memuat naik gambar dan video hasil kek serta pastri yang dihasilkan di akaun Instagram *@theboywhobakes.bn*. Baginya, media sosial memainkan peranan yang sangat besar kerana ia membolehkannya berkongsi kreativiti dan berhubung secara langsung dengan pelanggan.

Selain sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan orang terdekat juga banyak membantu perkembangan perniagaan ini melalui *word of mouth*. Mereka bukan sahaja menjadi pelanggan terawalnya, tetapi membantu memperkenalkan The Boy Who Bakes dengan berkongsi pengalaman dan cadangan mereka. Dari situ, sedikit demi sedikit jenama ini mula dikenali dan mendapat tempat di hati pelanggan.

## Penghasilan awal The Boy Who Bakes

Antara produk terawal yang dihasilkan dan perkenalkan kepada pelanggan iaitu Brownies merupakan antara produk yang paling awal mendapat sambutan kerana teksturnya yang *fudgy* dan *rich*. Selain, Burnt Cheesecake salah satu kegemaran pelanggan kerana pada ketika itu *dessert* tersebut sedang popular dan ramai ingin mencubanya. *Cupcakes* pula banyak membantu Huzaimi mengembangkan kreativiti dalam aspek dekorasi dan *presentation*, manakala Macarons memberi cabaran yang berbeza kerana ia memerlukan ketelitian dan teknik yang sangat tepat untuk menghasilkan bentuk dan tekstur yang sempurna.

## Nasihat

Selama lebih kurang enam tahun berkecimpung bermula secara kecil-kecilan di rumah sebelum berkembang menjadi perniagaan yang lebih teratur di bawah The Boy Who Bakes Patisserie, pelbagai pengalaman berharga diperoleh yang membentuknya sebagai seorang *baker*, tetapi juga sebagai seorang individu dan usahawan.

Huzaimi juga memberi semangat kepada para belia jangan takut untuk bermula walaupun dari langkah yang kecil. Ramai orang mempunyai impian, tetapi tidak semua berani mengambil langkah pertama kerana takut gagal atau takut dipandang rendah. Hakikatnya, setiap individu yang berjaya juga pernah melalui fasa permulaan yang perlahan dan penuh kesilapan, teruslah belajar dan tidak cepat berpuas hati dengan apa yang ada, seseorang itu sentiasa terbuka untuk belajar dan memperbaiki diri, bukan sahaja dirinya akan berkembang, tetapi perniagaan dan masa depannya juga akan turut bergerak ke arah yang lebih baik.

Pelita Brunei



# Sahabat Masjid : Khidmat ikhlas demi keselesaan jemaah

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Pengerusi Sahabat Masjid, Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong**

MENJAGA kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Ungkapan yang sering kita dengar itu secara tidak langsung hendaklah kita kaitkan dengan kebersihan sesebuah masjid yang menjadi rumah ibadah bagi umat Islam yang sentiasa mengutamakan kebersihan dan kesucian dalam beribadah. Dengan keadaan masjid yang bersih, jemaah masjid akan dapat melaksanakan ibadah dengan lebih selesa dan khusyuk.

Menyedari hal itu, Jawatankuasa Kebersihan Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) mengambil satu inisiatif strategik dan proaktif dengan menubuhkan Sahabat Masjid, ke arah memperkukuh sistem pengurusan kebersihan masjid agar lebih terancang, teratur, sistematik dan berkesan.

**Sejarah / latar belakang Sahabat Masjid**

Terletak di tengah-tengah Pekan Tutong, MHBPT setentunya menjadi masjid utama yang sering dikunjungi jemaah. Dengan kehadiran pengunjung yang saban hari semakin meningkat, menjadikan usaha untuk mengekalkan keselesaan masjid, terutama dari segi kebersihan tandas, tempat wuduk, dan persekitaran masjid satu aspek yang amat mencabar. Pelbagai langkah telah dipertimbangkan untuk mengekalkan kebersihan masjid berkenaan antaranya melalui teladan daripada lawatan sekumpulan jemaah ke beberapa buah masjid dalam dan luar negara, pendekatan terhadap sikap pengguna, aspek tenaga pekerja dan sukarelawan, serta usaha untuk mencipta suasana yang kondusif dan menggalakkan tanggungjawab bersama.



Pada bulan Ogos 2025, satu anjakan paradigma telah dilakukan dengan penubuhan satu kumpulan sukarelawan yang bertanggungjawab untuk menangani cabaran dalam mengekalkan kebersihan masjid. Dikenali sebagai Sahabat Masjid, ia adalah sebuah Jawatankuasa Kebersihan MHBPT dan merupakan usaha tanggungjawab bersama para Ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT dan para jemaah masjid. Seramai 30 orang sukarelawan dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur berganding bahu bekerjasama dalam memastikan kebersihan dan keselesaan tandas, tempat wuduk, ruang legar dan persekitaran masjid. Semua ini dapat diungkayahkan dengan perubahan minda yang lebih berwawasan dan cekal.

Selain itu penubuhan jawatankuasa ini juga selaras dengan aspirasi untuk mempertingkat imej masjid sebagai sebuah institusi yang bersih, teratur dan kondusif; di samping menjadi contoh terbaik dalam aspek pengurusan yang cemerlang kepada masyarakat setempat.

**Aktiviti**

Pengerusi Sahabat Masjid, MHBPT, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mohamad antara lain mengongsikan aktiviti atau kempen mingguan yang dikendalikan oleh Sahabat Masjid iaitu membersih tandas lelaki dan perempuan, tempat wuduk, ruang legar dan persekitaran masjid. Aktiviti membersih dijalankan selepas Solat Subuh dan Tadarus Al-Quran berserta terjemahannya.

Selain itu, katanya lagi penyelenggaraan peralatan secara segera juga merupakan sebahagian daripada inisiatif yang diambil oleh Sahabat Masjid. Yang menariknya, kumpulan ini juga mengadakan Kempen Kesedaran dan Pendidikan melalui lisan, pameran, papan tanda, dan media sosial antara kaedah yang diguna pakai dalam memupuk kesedaran dan meningkatkan tanggungjawab bersama antara pengguna.

**Perkembangan positif**

Sahabat Masjid telah menunjukkan perkembangan yang positif sejak penubuhannya dalam memperkasa budaya kebersihan. Menurut Awang Haji Abdul Hamid, komitmen dan kerjasama padu dalam kalangan ahlinya menjadi tunjang utama kejayaan setiap inisiatif atau rancangan yang dilaksanakan. Dalam erti kata yang lain kekuatan Sahabat Masjid terletak pada komitmen ahlinya yang istiqamah dalam berkhidmat.

**Sambutan orang ramai**

Sejak tertubuhnya Sahabat Masjid ini ia mendapat sambutan yang sangat positif dari orang ramai khususnya para jemaah masjid dan masyarakat setempat kerana program seperti ini mampu mengeratkan hubungan masyarakat dengan masjid serta secara tidak langsung dapat memupuk semangat kebersamaan. Ini dapat dilihat melalui peningkatan penyertaan atau kehadiran jemaah dan masyarakat dalam aktiviti yang dikendalikan oleh Sahabat Masjid seperti gotong-royong, kempen kebersihan, kempen kesedaran dan sambutan-sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Keluarga.

Pameran Kempen Kesedaran dan Pendidikan (poster dalam bentuk sajak) mengenai kebersihan dikendalikan oleh Sahabat Masjid mendapat maklum balas yang positif. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa komen daripada yang hadir agar pameran serupa diteruskan pada masa-masa mendatang. Malah ada dalam kalangan jemaah yang bersedia untuk menyertai sebarang aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Sahabat Masjid.

Selain itu, sikap pengguna telah menunjukkan perubahan positif. Dalam media sosial (TikTok) banyak komen yang menyokong, memberi sanjungan, galakkan serta berterima kasih kepada Sahabat Masjid.

Penglibatan generasi muda dalam memberi buah fikiran dan perubahan seperti penyediaan Powder Room di tandas perempuan; yang disertakan dengan hiasan bunga serta penyediaan pewangi hawa, tisu kertas, dan tuala kebersihan wanita juga menarik perhatian dan kunjungan ramai ke masjid ini.

**Perancangan masa depan**

Awang Haji Abdul Hamid seterusnya mengongsikan beberapa perancangan yang telah disusun oleh Sahabat Masjid iaitu melahirkan lebih ramai sukarelawan yang aktif (khususnya golongan belia / beliawanis), memantapkan sistem pengurusan dan komitmen ahli, menaik taraf tandas lelaki dan perempuan (mesra pengguna) serta memperindah dan mengekalkan kebersihan / imej masjid. Selain itu Sahabat Masjid juga ujarnya merancang untuk memanfaatkan teknologi dan media sosial semaksima mungkin.

BERITA GLOBAL

# 14 MAUT DALAM INSIDEN BERKAITAN AIR DI BRITAIN KETIKA GELOMBANG HABA

**LONDON**, 31 Mei. - Bilangan individu yang maut selepas menghadapi kesukaran di kawasan air ketika gelombang haba meningkat kepada 14 orang, ketika polis Britain memberi amaran bahawa kawasan air terbuka adalah 'amat berbahaya'.

Perkhidmatan kecemasan dipanggil ke Tasik Balderton, berhampiran Heron Way di New Balderton pada 2.35 petang Khamis selepas menerima laporan mengenai seorang lelaki memasuki air, menurut Polis Nottinghamshire, lapor PA Media/dpa.

Seorang lelaki berusia 19 tahun yang berada di tasik itu bersama rakan-rakannya berjaya dibawa keluar dari dalam air dan diberi rawatan di lokasi sebelum dibawa ke hospital.

Pada Sabtu, pihak polis memaklumkan lelaki itu meninggal dunia, sambil menambah keluarganya telah dimaklumkan dan sedang diberi sokongan oleh pegawai khas.

Polis berkata tiada unsur mencurigakan dipercayai terlibat dan satu laporan akan disediakan untuk koroner.

Ketua Inspektor Newark Clive Collings berkata ia merupakan satu insiden tragis.

"Kami memahami perkara ini amat menyedihkan komuniti setempat dan kami menggalakkan orang ramai mendapatkan sokongan sekiranya diperlukan," katanya.

Pengurus Kumpulan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Nottinghamshire Charlotte Weatherall-Smith berkata insiden seumpama itu menjadi peringatan jelas mengenai bahaya yang boleh ditimbulkan oleh kawasan air terbuka.

"Walaupun pada hari panas dan cerah, suhu air boleh menjadi jauh lebih sejuk daripada yang disangka, dan memasuki air boleh menyebabkan kejutan akibat air sejuk, yang boleh berlaku secara tiba-tiba, serius dan berpotensi membawa maut.

"Demi keselamatan diri, jangan memasuki air atau cuba melakukan operasi menyelamat sendiri kerana tindakan itu boleh membahayakan nyawa orang lain," katanya.

Kenyataan itu dibuat selepas polis memaklumkan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun meninggal dunia di hospital pada Sabtu selepas menghadapi kesukaran di laut berhampiran pantai Merseyside pada cuti umum Isnin.

Chiedza Nyanjowa dari Cheshire dibawa ke Hospital Kanak-Kanak Alder Hey selepas berenang di pantai Formby, menurut Polis Merseyside.

Cuaca panas menarik ramai orang untuk berenang di kawasan air terbuka, mengakibatkan beberapa kematian di South Yorkshire, West Yorkshire, Cornwall, Hampshire, Warwickshire, Cheshire, Pembrokeshire, Lincolnshire dan Lancashire sejak beberapa hari kebelakangan ini.

Antara kes itu ialah seorang wanita berusia 72 tahun yang meninggal dunia selepas dibawa keluar dari air di pantai West Angle Bay di Pembrokeshire, Wales pada Ahad, serta seorang remaja lelaki berusia 13 tahun yang dipercayai dikenali sebagai Reco Puttock, yang meninggal dunia selepas menghadapi kesukaran di Empangan Leadbeater berhampiran Halifax, West Yorkshire pada Isnin.

Pada Selasa, England dan Wales merekodkan hari paling panas bagi bulan Mei apabila suhu melonjak kepada 35.1 darjah Celsius di Kew Gardens, barat London, manakala suhu 32.9 darjah Celsius direkodkan di Bute Park, Cardiff, menurut Met Office.

Perkhidmatan cuaca itu memaklumkan suhu dijangka mencecah 30 darjah Celsius di tenggara England pada Sabtu, yang diramalkan menjadi hari terakhir cuaca panas terik.

Pada Ahad, hujan dijangka berlaku di beberapa kawasan di seluruh United Kingdom (UK), dengan suhu menghampiri paras purata bagi tempoh ini dalam setahun, menurut Met Office menerusi laman sesawangnya.

Suhu tertinggi 24 darjah Celsius dijangka direkodkan di London pada Ahad, manakala Birmingham mencatat 19 darjah Celsius, Aberdeen 17 darjah Celsius dan Belfast 19 darjah Celsius.

Pada Sabtu malam, South East Water memaklumkan bekalan air minuman telah dipulihkan kepada 15,500 pelanggan di seluruh Kent, termasuk di kawasan Whitstable dan Herne Bay, susulan masalah pada rangkaiannya sepanjang tempoh cuaca panas.

Syarikat itu menambah pihaknya sedang berusaha memulihkan bekalan kepada kira-kira 500 pelanggan yang masih terputus bekalan air, manakala 3,600 lagi mengalami gangguan bekalan secara berkala. - ©BERNAMA

# Presiden Republik Sosialis Viet Nam tekankan kepentingan teras ASEAN

**REPUBLIK SINGAPURA**, 30 Mei. - Presiden Republik Sosialis Viet Nam, To Lam pada hari Jumaat menekankan kepentingan peranan teras ASEAN dalam menjaga keamanan, kestabilan dan pembangunan serantau, serta menyeru perpaduan, dialog dan autonomi strategik di tengah-tengah persaingan geopolitik yang semakin meningkat.

Dalam ucaptama di Perbualan Shangri-La 2026 di Republik Singapura, Lam berkata bahawa rantau Asia-Pasifik mempunyai kepentingan bersama dalam keamanan, keterhubungan dan pembangunan, serta memiliki pengalaman mendalam dalam kerjasama pelbagai peringkat.

"Di sinilah ASEAN berfungsi sebagai rangka kerja untuk kerjasama, dialog dan keseimbangan," tegas beliau.

Pemimpin tertinggi Republik Sosialis Viet Nam itu menyatakan bahawa ASEAN mempunyai motivasi dan tekad untuk memastikan persaingan tidak bertukar menjadi konfrontasi; bahawa garis keterhubungan tidak menjadi garis pemisah; dan bahawa keselamatan sesebuah negara tidak menjadi ketidakamanan bagi negara lain.

Peranan teras ASEAN bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh atau berkekalan dengan sendirinya, kata Lam, sambil menegaskan bahawa ia hanya dapat dipelihara melalui perpaduan, autonomi strategik dan keupayaan untuk membentuk agenda bersama.

Beliau menambah bahawa rantau ini mengalu-alukan penglibatan yang telus, bertanggungjawab, menghormati undang-undang antarabangsa, menyokong peranan teras ASEAN, dan kondusif untuk mengurangkan ketegangan. - ©BERNAMA

# Bank Dunia lulus pembiayaan USD500 juta naik taraf jalan luar bandar di Ghana

**ACCRA**, 30 Mei. - Kumpulan Bank Dunia meluluskan pakej pembiayaan USD500 juta untuk membantu naik taraf sekurang - kurangnya 1,000 kilometer jalan bagi akses pertanian dan pasaran luar bandar di Ghana, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pada Khamis, Projek Akses dan Ketersambungan Pasaran Ghana (GMACP) ialah inisiatif utama bertujuan meningkatkan ketersambungan jalan luar bandar, mengukuhkan rantaian nilai pertanian, mengembangkan peluang ekonomi dan mewujudkan pekerjaan langsung jangka pendek kepada komuniti luar bandar di seluruh Ghana.

Bank Dunia menyatakan keadaan jalan yang teruk dan penyelenggaraan tidak mencukupi telah lama menyekat mata pencarian luar bandar di Ghana, mengehadkan akses pasaran, meningkatkan perbelanjaan pengangkutan dan menyumbang kepada kerugian ketara pasca tuaian.

Projek itu bertujuan membaiki dan menyelenggara jalan pengantara yang penting untuk membantu petani mencapai pasaran dengan lebih mudah, yang akan mengurangkan perbelanjaan pengangkutan, mengurangkan masa perjalanan dan menjadikan bekalan lebih kukuh, menurut kenyataan itu.

"Projek ini akan meningkatkan akses kepada pasaran dan peluang untuk komuniti luar bandar sambil mengukuhkan daya saing dan daya tahan pertanian Ghana dan memberi manfaat secara langsung kepada lebih 550,000 orang," kata Robert Taliercio, Pengarah Bahagian Bank Dunia untuk Ghana, Liberia dan Sierra Leone.

"Ia juga dijangka menjana lebih 5,000 pekerjaan langsung dan lebih 25,000 pekerjaan tidak langsung menerusi kerja-kerja awam dan aktiviti penyelenggaraan jalan," tambah Taliercio.

Projek GMACP, yang merangkumi reka bentuk berupaya menangani cabaran iklim untuk memastikan jalan raya dan sistem perparitan selamat bagi jangka masa panjang, akan dilaksanakan oleh Kementerian Jalan Raya dan Lebuhraya Ghana. - ©BERNAMA

# Peru lanjut darurat di 41 daerah selepas hujan lebat

**LIMA**, 30 Mei. - Peru melanjutkan keadaan darurat selama 60 hari di 41 daerah di 11 wilayah untuk terus bertindak balas terhadap kerosakan akibat hujan lebat baru-baru ini, menurut kepresidenan pada Jumaat, lapor Xinhua.

Pelanjutan itu, yang diluluskan oleh dekri tertinggi dan diterbitkan dalam warta rasmi El Peruano, akan berkuat kuasa pada 1 Jun.

Daerah yang terjejas terletak di wilayah Ancash, Apurimac, Arequipa, Ayacucho, Cajamarca, Cusco, Huancavelica, Huanuco, Junin, Lima dan Pasco.

Menurut Institut Pertahanan Awam Negara, tugas yang belum selesai termasuk membersihkan sungai dan lurah dan menyediakan tempat perlindungan sementara untuk penduduk terjejas.

Kerja-kerja menyelamat, pembersihan dan perlindungan akan dibiayai menerusi belanjawan institusi terbabit, tanpa memerlukan dana tambahan daripada perbendaharaan awam, menurut dekri itu.

Peru kerap mengalami kejadian hujan lebat, banjir dan tanah runtuh secara tiba-tiba dan dahsyat yang dikaitkan dengan fenomena El Niño. - ©BERNAMA

# Angkasawan Shenzhou-21 pulang ke bumi selepas misi 210 hari

**JIUQUAN**, 30 Mei. - Tiga angkasawan misi Shenzhou-21 Republik Rakyat China kembali ke Bumi dengan selamat pada petang Jumaat dengan kapal angkasa kruShenzhou-22, menamatkan tempoh 210 hari di orbit yang juga rekod baharu misi satu anak kapal terpanjang di stesen angkasa Republik Rakyat China, lapor Xinhua.

Ketiga-tiga mereka yang terdiri daripada Zhang Lu, Wu Fei dan Zhang Hongzhang semuanya berada dalam keadaan sihat, menurut Agensi Angkasa Lepas Berawak China (CMSA), sambil menyatakan misi penerbangan angkasa Shenzhou-21 satu kejayaan.

Pada 7.20 malam (waktu Beijing), Pusat Kawalan Aeroangkasa Beijing mengeluarkan arahan pemulangan melalui stesen bumi, dan sebagai tindak balas kapsul orbit kapal angkasa Shenzhou-22 dipisahkan daripada kapsul pemulangan.

Enjin brek kemudian dinyalakan, dan kapsul kembali dipisahkan daripada kapsul pendorong. Kapsul pemulangan mendarat pada 8.11 malam di tapak pendaratan Dongfeng di Mongolia Dalam, utara Republik Rakyat China, menurut CMSA, manakala pada 8.59 malam, kru Shenzhou-21 kesemuanya telah meninggalkan kapsul pemulangan.

"Pelayaran seseorang ke lautan bintang bergantung pada kebaktian dan kesetiaan sejati seluruh pasukan," kata Zhang Lu, komander misi kru dan seorang angkasawan veteran dalam penerbangan angkasa lepas keduanya, menyatakan terima kasih atas sokongan keluarga, semua kakitangan yang mengambil bahagian dalam program angkasa lepas berawak, negara dan rakyat Republik Rakyat China.

Zhang Lu telah melaksanakan sebanyak tujuh aktiviti ekstravehikular (EVA) setakat ini, menjadikan beliau angkasawan Republik Rakyat China paling banyak 'berjalan' di angkasa lepas setakat ini. - ©BERNAMA

ePaper Pelita Brunei

# PENDAFTARAN BOUSTEAD HALF MARATHON KINI DIBUKAKAN



SEKITAR majlis berkenaan bagi pengumuman acara Boustead Half Marathon dan diselajurkan dengan Majlis Penandatanganan Kerjasama yang diwakili oleh Perunding Pengurusan Perniagaan Boustead bersama Pengarah Perlumbaan (kiri dan kiri sekali).

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Mei. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-70 Boustead Sdn. Bhd. (Boustead) tidak lama lagi, para komuniti acara larian di negara ini akan berpeluang menyertai acara Boustead Half Marathon yang dilancarkan buat julung kalinya sebagai mercu tanda dan menjadi salah satu daripada sorotan utama program ulang tahun Boustead.

Acara Boustead Half Marathon yang bakal diadakan pada 4 Oktober 2026 depan berkenaan diumumkan pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Boustead Sdn. Bhd. Ke-70 Tahun pada malam tadi yang berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, di sini.

Boustead Half Marathon berkenaan dijangka akan menghimpunkan pelari daripada semua peringkat umur dan kebolehan diadakan bertujuan untuk memberi inspirasi kepada gaya hidup aktif, meraikan pencapaian peribadi dan memupuk hubungan komuniti yang lebih erat sambil memperingati pencapaian Boustead yang cukup penting dalam sejarah.

Untuk memastikan kelancaran dan kejayaan kelangsungan acara berkenaan nanti, Boustead turut mengumumkan kerjasamanya dengan AKIF Media Marketing & Event sebagai pengendali acara larian berkenaan nanti.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Kerjasama telah diadakan yang diwakili oleh Perunding Pengurusan Perniagaan Boustead, Lim Jin Yee bersama Pengarah Perlumbaan, Pengiran Danny bin Pengiran Tajuddin.

Kerjasama berkenaan menggabungkan visi Boustead dalam meraikan sambutan ulang tahunnya dengan kepakaran AKIF Media Marketing & Event dalam pengurusan acara berkenaan bagi menyemarakkan acara Boustead Half Marathon yang buat julung kalinya diadakan.

Bagi orang ramai yang berminat untuk menyertai acara berkenaan, pendaftaran melalui dalam talian telah mula dibukakan pada malam tadi sehingga September depan yang melibatkan sebanyak empat kategori, iaitu Kategori 3 kilometer (km) Fun Run, Kategori 5km, Kategori 10km dan Kategori Half Marathon.

Sementara itu, pelepasan berkenaan bermula dan berakhir di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

# Kembara Pickleball sempena Ulang Tahun Penubuhan Aroo Pickle

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Pasukan Aroo Pickle

**KOTA KINABALU, SABAH**, Ahad, 31 Mei. - Pasukan Aroo Pickle (Negara Brunei Darussalam - NBD) telah mengadakan kembara sulung Perlawanan Pickleball Persahabatan sempena menyambut Ulang Tahun Penubuhan Pasukan Aroo Pickle (NBD) yang pertama.

Perlawanan Pickleball Persahabatan tersebut berlangsung di Dewan Replay Pickle Club, Karamunsing, Kota Kinabalu, dan disertai oleh seramai 16 pemain dari NBD dan Sabah.

Peserta terdiri daripada lapan pemain Pasukan Aroo Pickle (NBD) serta lapan pemain dari Sabah yang mewakili Dinkelusion Pickleball. Pasukan Aroo Pickle (NBD) diketuai oleh Awang Mohd. Nasrul Hadi bin Haji Morni.

Objektif utama kembara Pickleball ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memperluaskan rangkaian persahabatan dalam kalangan komuniti Pickleball Borneo melalui aktiviti sukan yang telah lama dipraktikkan sekali gus menyahut saranan kerajaan 'Menuju ke Arah Warga Sihat' khususnya kepada generasi baharu.

Bagi perancangan masa hadapan, Pasukan Aroo Pickle (NBD) berhasrat untuk meneruskan kembara Pickleball ke beberapa wilayah lain di Borneo dalam masa terdekat sebagai usaha memperkukuhkan lagi hubungan sukan dan persahabatan serantau.




SESI bergambar ramai pada Perlawanan Pickleball Persahabatan yang berlangsung di Dewan Replay Pickle Club, Karamunsing, Kota Kinabalu

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn